


**Jilid II
Bil. 10**

**Khamis
30 Mei 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Ketujuh - (1996-2000) (Ruangan 17)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Chareem Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)

- Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin, A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Yim Chee Chong (Negeri Sembilan)
- “ Dato' Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato' Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Zaharah binti Naim Norwahidah binti Azizi Jainah binti Sakimin Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Hashim bin Sani Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
-------------------	---	---------------------------------------

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Khamis, 30 Mei 1996****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN MULUT**
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin berkata sepatah dua iaitu saya dengar ada ura-ura untuk memperkenalkan ataupun memasukkan satu Standing Order untuk membataskan soalan-soalan tambahan kepada dua sahaja. Ini bererti soal waktu adalah penting dan saya rasa soal penggunaan waktu sejam ini adalah terpulang kepada yang bertanya dan yang menjawab. Jadi, saya pun melihat bahawa sesetengah jawapan itu sangat diminati. Apabila saya nampak sangat diminati, saya beri lebih kepada dua soalan tambahan.

Ada juga soalan-soalan yang tidak diminati yang tertentu kepada sesuatu tempat ataupun sesuatu interest tertentu, maka tidak ada soalan tambahan. Jadi kalau begitu, bila ada satu ataupun tak ada langsung soalan tambahan, saya imbangkan pula dengan soalan-soalan yang mempunyai minat ramai. Minat ramai ini selalunya soalan-soalan yang berkaitan dengan perumahan, kesihatan, dadah, antarabangsa yang melibatkan kepentingan Malaysia dan juga soal-soal pendidikan.

Satu lagi ialah penggunaan masa pihak yang menjawab. Jadi, saya pun mendapat benefit daripada pengalaman yang bertanya dan pihak yang menjawab, saya faham itu. Di samping pihak sini memberi soalan yang sedia ada, mereka kebanyakannya adalah sesetengahnya bertanya panjang sedikit kerana ada mukadimah, tetapi kebanyakannya mereka bertanya dengan ringkas.

Di pihak yang menjawab pula, ada intrinsic problem sendiri. Mereka juga setelah bersedia menjawab, kadang-kadang setengah hari, saya pun dahulu ada juga bersedia, pegawai datang bersedia sampai setengah hari nak jawab, bila sampai waktu di sini tak dapat jawab. Ini bermakna ada pihak yang menggunakan masa lebih. Jadi, ada pihak-pihak yang tidak dapat menjawab.

Jadi, dengan cara itu saya rasa kedua-dua pihak berikan kerjasama sedikit. Lagi pula, saya tak mahu matikan minat daripada pihak sini. Kalau kita kata tak boleh, satu kita tutup, dua tutup, ada timbul soalan di luar kenapa tak diberi soalan tambahan? Jadi itu sebabnya kadang-kadang kita tegur jangan panjang sangat, haraplah menjawab relevan kepada pertanyaan-pertanyaan yang dibuat, baik secara asasnya ataupun soalan-soalan tambahan. Jadi, setelah itu saya rasa kedua-dua pihak iaitu pihak yang bertanya dan pihak yang menjawab akan menggunakan soal ura-ura hendak ada Standing Order ini semoga kita boleh menggunakan masa dengan efisien dan saya rasa kedua-dua pihak tidak akan puas hati. Kalau kedua-dua pihak puas hati, ada sesuatu yang tidak betul. Ini PM selalu cakap macam itu. Kalau kedua-dua pihak yang tidak puas hati, bermakna ada yang betulnya dalam perkara ini.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya persilakan Tuan Ibrahim bin Daud mengemukakan soalan pertama.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

**PERMIT TEKSI - JUMLAH DIMILIKI
OLEH SYARIKAT/INDIVIDU**

1. **Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail** [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) jumlah permit teksi yang dimiliki oleh syarikat-syarikat dan orang perseorangan; dan
- (b) jumlah permit teksi yang ditarik balik sehingga tahun 1995.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 30 April 1996 jumlah lesen teksi yang dimiliki oleh syarikat-syarikat dan orang perseorangan di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Yang dimiliki oleh syarikat sendirian berhad	- 5,462
Yang dimiliki oleh syarikat berhad dan koperasi berhad	- 298
Yang dimiliki oleh orang perseorangan	- 5,730

- (b) Sehingga ini hanya 10 lesen teksi sahaja yang telah dibatalkan.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jumlah yang tersebut itu adakah termasuk limousin?

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas soalan itu, bagus!

Tuan Idris bin Jusoh: Tidak, maksudnya teksi sahaja. Limousin dalam kategori yang berbeza.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sentiasa ada mendengar aduan dari orang ramai yang mengatakan sebenarnya mereka yang memandu teksi selama 10 tahun dan dengan tanggungan anak-anak tetapi ketika minta lesen teksi telah ditolak. Saya berharap kalau boleh orang yang betul-betul memandu teksi diluluskan permohonan mereka. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, memang di pihak kementerian pun kita mendapat rungutan-rungutan yang sedemikian. Sebab itulah pada masa ini kementerian sedang mengadakan kajian tentang aspek ini supaya memastikan mereka yang berhak akan diberi hak mereka masing-masing.

**GURU PELATIH MAKTAB PERGURUAN –
JUMLAH PENGAMBILAN**

2. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah guru-guru pelatih yang akan diambil oleh semua maktab perguruan di seluruh negara pada sesi yang akan datang bagi semua kursus.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada sesi yang akan datang iaitu mulai bulan Julai 1996, Kementerian Pendidikan akan mengambil seramai 16,764 calon guru pelatih di seluruh negara. Dari jumlah tersebut 13,100 orang adalah untuk latihan perguruan pra perkhidmatan dan 3,664 adalah untuk latihan dalam perkhidmatan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah di antara mereka itu yang berijazah dan yang akan mengikuti kursus bertaraf diploma?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah tersebut terdapat 2,000 orang calon yang mengambil kursus perguruan lepasan ijazah (KPLI) dan 1,000 orang mengikuti kursus perguruan lepasan diploma (KPLD).

PELANCONG DALAM NEGERI – USAHA MENGGALAKKAN

3. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan usaha-usaha menggalakkan pelancong dalam negeri supaya rakyat Malaysia dapat mengenali dengan lebih dekat kemajuan negeri sejak merdeka 1957 dengan memastikan rumah-rumah rehat, hotel-hotel berada dalam keadaan bersih dan selesa dan jika ada usaha-usaha sedemikian adakah kementerian ini menghantar pegawai-pegawai melawat rumah-rumah rehat Kg. Gajah, Perak Tengah dan rumah-rumah rehat lain di Perak sebagai contoh untuk memastikan ianya bersih dan selesa dan didiami oleh pelancong tempatan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, soal memberikan keselesaan dan kemudahan kepada para pelancong adalah merupakan aspek-aspek yang sememangnya dititikberatkan oleh kementerian ini.

Walau bagaimanapun, tugas menjamin kebersihan hotel dan rumah rehat adalah menjadi tanggungjawab utama majlis-majlis perbandaran dan tempatan tertentu yang melesenkan premis-premis berkaitan.

Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai anggota Jawatankuasa Kempen Bersih dan Indah, membuat lawatan ke majlis perbandaran dan tempatan di seluruh negara yang meliputi lawatan ke hotel-hotel, rumah-rumah rehat dan premis-premis di kawasan pelancongan.

Melalui program pengelasan hotel, dengan izin, hotel classification, di mana hotel-hotel diberikan kelas-kelas tertentu berdasarkan kepada mutu perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Kementerian juga menentukan tahap kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan dan ini termasuklah soal-soal kebersihan dan keselesaan yang diberikan kepada pelanggan-pelanggan mereka.

Mengenai rumah rehat, kementerian dalam usaha mempelbagaikan pilihan di samping menambahkan tempat-tempat penginapan kepada para pelancong telah berusaha meningkatkan taraf dan memperbaiki beberapa rumah rehat di seluruh negara. Di Perak sahaja kerja-kerja memperbaiki dan meningkatkan taraf rumah-rumah rehat telah dilakukan kepada rumah-rumah rehat di Teluk Intan, Krian, Lenggong, Tapah, Kuala Kangsar, Pengkalan Hulu, Gerik, Taiping, Kampung Gajah dan Slim River.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ciri-ciri yang wujud, yang ada pada rumah-rumah rehat ini amat menarik kerana sejarahnya, adakah pihak kerajaan bercadang untuk memasarkan secara central, secara berpusat kegunaan rumah-rumah rehat ini ke pasaran dunia dan juga dalam negeri secara berkomputer, secara rapi supaya pelancong-pelancong dapat terus berhubung secara direct dengan pusat yang boleh membekalkan perkhidmatan rumah rehat ini.

Dato' Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, memang saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' kerana ada juga rumah-rumah rehat di Malaysia adalah wujudnya ciri-ciri sejarah dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada masa kini tidak ada

Tuan Yang di-Pertua: Rancangan.

Dato' Teng Gaik Kwan: ...tidak ada rancangan untuk memasarkan rumah-rumah yang mempunyai sejarah yang tertentu, tidak ada rancangan.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar seperti dilaporkan di dalam akhbar bahawa sebanyak 30% pelancong-pelancong yang hendak melawat ke Malaysia telah membatalkan hasrat mereka disebabkan oleh wabak taun? Kalau benar, apakah rancangan kerajaan dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan supaya hasrat mereka untuk membatalkan lawatan ke Malaysia ini tidak akan diteruskan?

Dato' Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan wabak taun di kebelakangan ini, memang terdapat juga laporan pelancong-pelancong dari luar negeri yang telah membuat 'booking' di hotel-hotel ada juga yang telah dibatalkan, tetapi nampaknya percentage tidak begitu tinggi dan setakat ini nampaknya wabak taun di negara kita ini pun telah dapat dikawal.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, sepanjang pengetahuan saya Kampung Gajah ini tak ada rumah rehat. Saya tak tahulah di mana boleh kedapatan sumber-sumber ini bahawa di Kampung Gajah ada rumah rehat, kalau di Perak Tengah ada di Parit tetapi tidak di Kampung Gajah, inginkan pembetulan.

Dato' Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Teng Gaik Kwan, saya ingat ini timbul daripada soalan asal dari Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, yang mengatakan rumah rehat Kampung Gajah.

Dato' Teng Gaik Kwan: Ya, di dalam soalan asal ada menyatakan tentang rumah rehat Kampung Gajah.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, Kampung Gajah ini di kawasan Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua: Ada?

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Ya, ada!
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

AKTA KAWALAN SEWA 1966 - KAJIAN SEMULA

4. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian sedar bahawa Akta Kawalan Sewa 1966 sudah tidak relevan dengan keadaan semasa. Adalah didapati banyak bangunan buruk di bandar-bandar tidak dapat dibangunkan kerana terikat dengan akta tersebut; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula peruntukan akta tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa Akta Kawalan Sewa 1966 sudah tidak relevan dengan keadaan semasa. Oleh itu, kerajaan bercadang untuk memansuhkan Akta Kawalan Sewa. Pada masa ini kerajaan sedang mencari jalan bagaimana ia dapat dimansuhkan tanpa menjejaskan kepentingan tuan punya dan juga penghuninya.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang benarlah apa yang dijawabkan oleh Timbalan Menteri tetapi setakat ini kita dapati bahawa terlalu lama dan kita lihat bahawa orang yang menyewa

sebanyak RM20, RM30 hari ini telah pun mendapatkan pulangan sewaan beribu-ribu ringgit dan itu bukan rumah dia, dia beri sewa kepada orang lain dan orang yang memiliki rumah tersebut tidak dapat membangun dan menghadapi masalah yang besar. Apakah rancangan kerajaan, walaupun dicadangkan bilakah akta ini akan dipinda ataupun adakah kita mempunyai political will untuk melaksanakan akta ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tentang political will saya rasa ini tidak ada masalah, hanya kita hendak menentukan apabila akta ini dimansuhkan, kita tidak akan menyebabkan banyak masalah seperti penghuninya tidak ada tempat untuk mendiami dan juga masalah kehilangan 'cari makan' mereka iaitu sebab mereka yang mempunyai business dan apabila akta ini dimansuhkan premis itu akan diambil balik oleh tuan punya.

Walau bagaimanapun, kita akan mencepatkan kajian ini dan kita haraplah dalam sesi Parlimen akan datang kita boleh membentangkan bill untuk memansuhkan akta ini.

Tuan Ng See Tiong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kementerian akan mencari jalan untuk mengatasi masalah yang timbul tadi. Saya hendak tahu berapa lamakah kementerian akan mencari jalan dan apa jenis jalan yang akan dikemukakan itu. *[Ketawa]* Saya hendak faham dan selepas itu adakah jalan lain yang telah dapat dicari. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Jalan apa tu, jalan ada tol ke jalan tidak ada tol? Sila, sila.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, masalah yang saya sudah sebutkan tadi iaitu masalah seperti tuntutan ganti rugi, masalah perumahan alternatif dan juga premis untuk berniaga. Semua ini adalah masalah sebab kita maklumkan ada lebih kurang 70,000 keluarga terlibat dalam premis-premis seperti itu.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dijelaskan oleh pihak kementerian tadi, kita faham dan masalah ini saya rasa kementerian telah pun mengkaji dan mengetahui yang masalah ini timbul. Cuma saya ingin dapat kepastian daripada pihak kementerian apakah pada persidangan yang akan datang bill untuk meminda akta ini akan pasti dapat dibentangkan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ini juga termasuk dalam perbincangan antara kementerian dengan pihak negeri kerana sesetengah pihak negeri juga tidak begitu bersetuju tentang perkara ini dan kita sedang berusaha untuk berunding dengan mereka supaya bil-bil ini boleh diterima oleh semua pihak dan tidak akan menjejaskan sesiapa.

PROJEK KERAJAAN - PENIPUAN PEMALSUAN MAKLUMAT

5. **Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian terhadap penipuan pemalsuan maklumat 12 syarikat yang dikenal pasti memperoleh 20 projek kerajaan membabitkan kos bernilai RM100 juta.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kes pemalsuan maklumat 12 syarikat dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) telah pun diserahkan kepada pihak Badan Pencegah Rasuah dan Polis DiRaja Malaysia untuk tindakan selanjutnya pada 25hb. April yang lalu. Kementerian telah mengarahkan PKK supaya mengikut dengan sepenuhnya serta memperketatkan pelaksanaan syarat-syarat pendaftarannya. PKK juga diarah supaya menjalankan penyiasatan ke pejabat syarikat dan memeriksa dokumen-dokumen asal syarikat bagi memastikan kesahihannya supaya kes seumpama ini tidak akan berulang lagi. Hasil daripada semakan yang telah diteliti oleh PKK dengan secara rapi ini, PKK sekali lagi telah berjaya mengesan 6 lagi syarikat yang

cuba mendaftarkan oleh sindiket yang sama. Kes tersebut juga telah dilaporkan kepada BPR dan polis untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan saya. Adakah kerajaan bercadang untuk mempamerkan senarai syarikat-syarikat ini kepada umum dan seterusnya menyenaraihitamkan syarikat tersebut?

Tuan Idris bin Jusoh: Kerajaan telah membatalkan pendaftaran 12 syarikat tersebut dan juga 6 lagi yang telah saya katakan tadi yang cuba mendaftar dan kes ini juga telah dibawa kepada BPR dan polis untuk siasatan selanjutnya, tetapi pada masa ini oleh kerana ianya dalam penyiasatan, kita tidak ada cadangan untuk memberi maklumat itu kepada orang ramai kerana ia masih lagi dalam siasatan.

AHLI SUKAN NEGARA - PROGRAM MENCUNGKIL BAKAT DI PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH

6. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan perancangan kementerian bagi mencungkil bakat ahli sukan negara di peringkat sekolah-sekolah rendah terutamanya di sekolah-sekolah di luar bandar. Adakah kementerian berpuashati di atas prasarana kesukanan di sekolah-sekolah tersebut di dalam usaha mengasuh dan mengilap bakat mereka.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, program mencungkil bakat sukan di sekolah-sekolah rendah termasuk di luar bandar hanya melibatkan sukan-sukan tertentu sahaja iaitu gimnastik, artistik, gimrama, terjun dan renang. Program khusus untuk sukan-sukan ini dilaksanakan bagi menyediakan atlet ke sukan Komanwel 1998. Sukan-sukan ini didapati sesuai untuk dimulakan di peringkat umur mereka yang berada di sekolah rendah.

Selain daripada itu, Program Tunas Cemerlang telah dilaksanakan untuk 6 jenis sukan iaitu badminton, bola sepak, hoki lelaki, olahraga, sepak takraw dan tenis. Atlet-atlet di tingkatan 1 ke tingkatan 3, kebanyakannya terlibat dengan program ini. Secara terperinci, kementerian ini tidak dapat menyatakan sama ada prasarana sukan di sekolah-sekolah rendah mencukupi ataupun tidak. Program-program yang dilaksanakan setakat ini diadakan di sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan-kemudahan ataupun menggunakan kemudahan-kemudahan di luar sekolah.

Tuan Ng See Tiong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kegagalan pemain-pemain badminton di Hong Kong itu sangat menyedihkan, adakah pihak kementerian berhasrat untuk mencari pemain-pemain di sekolah-sekolah rendah atau menengah yang berwawasan.

Dato' Loke Yuen Yow: Berwawasan? Jawapannya Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Okay.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Belia dan Sukan mengetahui dan sedar bahawa sekiranya negara kita hendak memperbaiki prasarana badminton di arena sukan dunia, kita kena mencari ataupun mencungkil bakat-bakat badminton daripada sekolah-sekolah rendah pada umur yang muda sekali supaya kita dapat mengasuh dan mengilap mereka menjadi champion suatu hari kelak.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah program khusus kementerian bagi membolehkan penyertaan belia-belie di luar bandar mengambil bahagian dalam sukan sebagai usaha meningkatkan mutu sukan memandangkan belia di luar bandar tidak ada kemudahan yang cukup, sedangkan di dalam bandar mempunyai banyak kemudahan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar itu tidak mencukupi, tetapi Kementerian Belia dan Sukan tidak dapat membuat apa-apa pada masa ini kerana kita tidak mempunyai data yang terperinci. Oleh kerana itu, Kementerian Belia dan Sukan sedang berusaha untuk mengumpul data mengenai kemudahan-kemudahan sukan di

seluruh negara, di dalam pekan mahupun di kawasan-kawasan luar bandar untuk mengetahui status kemudahan-kemudahan sukan yang ada dan data ini diperlukan untuk memudahkan perancangan kemudahan sukan dijalankan supaya kita ada satu sistem. Memang kementerian dapat tahu yang mana kita kena bina kemudahan sukan dahulu, yang mana kena bina yang lebih lewat lagi. Jadi, ini satu sistem yang kita harus tetapkan dan sebelum itu kita memang memerlukan satu data yang terperinci daripada kajian yang sedang dijalankan oleh Universiti Pertanian Malaysia yang memakan perbelanjaan sebanyak RM800 ribu pada tahun ini.

CULIK MURID SEKOLAH - SEBAB DAN BILANGAN

7. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sebab-sebab mengapa murid-murid sekolah diculik dan berapa ramaikah murid-murid sekolah yang telah diculik mulai tahun 1991 hingga 1995; dan
- (b) berapa pula yang telah selamat ke pangkuan keluarga.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti beberapa sebab murid sekolah diculik. Antaranya:-
 - (i) pada hemat kementerian, ibu bapa perlulah memberikan tekanan kepada aspek keselamatan diri murid-murid;
 - (ii) ibu bapa kena mengambil berat mengenai tarikh penggal persekolahan, jadual waktu sekolah dan jadual aktiviti yang melibatkan anak-anak mereka;
 - (iii) sistem kawalan keselamatan sekolah dan rekod mengenai pergerakan masuk dan keluar orang-orang awam ke dalam kawasan sekolah masih longgar; dan
 - (iv) murid-murid bersendirian ketika menunggu kenderaan untuk pulang ke rumah.
- (b) Hingga sekarang, murid yang dilaporkan diculik pada bulan Januari tahun 1996 itu iaitu kes Ting Soon Seng belum lagi dikembalikan ke pangkuan keluarganya.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa ini masalah keselamatan, bukan sahaja penculik, tetapi juga ada sekolah-sekolah yang dimasuki dan dicerobohi serta murid-murid sekolah dirogol. Jadi, saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian sama ada kementerian bercadang untuk menggunakan sekolah-sekolah, terutama sekali sekolah-sekolah di dalam bandar memperketatkan kawalan ini dengan melibatkan PIBG dan semua ibu bapa dalam sekolah sebagai satu cadangan kementerian?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang di sepanjang masa, kita memberikan penekanan kepada badan-badan yang ada hubungkait dengan sekolah-sekolah seperti PIBG supaya mengambil langkah-langkah tambahan untuk cuba memastikan kawalan ke atas sekolah-sekolah dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Pihak kementerian sendiri telah pun mengeluarkan pekeliling-pekeliling dari semasa ke semasa yang memberikan penekanan kepada pentingnya soal keselamatan, bukan sahaja harta benda kerajaan di situ dijaga, malahan penekanan diberikan juga kepada keselamatan anak-anak kita yang ada di sekolah.

bukan sahaja harta benda kerajaan di situ dijaga, malahan penekanan diberikan juga kepada keselamatan anak-anak kita yang ada di sekolah.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada hemat Kementerian Pendidikan, apakah cara yang telah diamalkan bagi membolehkan murid-murid yang diculik ini selamat balik ke pangkuan keluarga?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, rumit saya hendak memberikan satu jawapan yang tepat fasal ini satu perkara yang melibatkan jenayah dan apabila sesuatu jenayah berlaku dan dilakukan, biasanya proses undang-undang itu akan menyusul dan apabila terdapat kejadian seperti itu, seperti yang berlaku kepada seorang murid di Kelang, maka biasanya kita menyerahkan kepada pihak polis untuk menguruskannya.

Walaupun begitu, ada perkara-perkara yang cuba juga kita bincangkan di peringkat kementerian tentang cara mana langkah-langkah yang wajar kita ambil untuk menghindarkan kejadian-kejadian seperti itu daripada berlaku di masa-masa yang akan datang dan dalam perbincangan kita itu, kita berpendapat penting benar kita libatkan semua lapisan yang ada hubungkait ataupun bertanggungjawab dengan soal persekolahan anak-anak.

RASUAH DI KALANGAN KAKITANGAN KERAJAAN – TINDAKAN DISIPLIN

8. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tiadakan Jabatan Perkhidmatan Awam terhadap kakitangan kerajaan yang menerima rasuah dan yang menipu pelanggan contohnya mengambil wang deposit pembayaran harga rumah bagi projek rumah yang tidak wujud. Nyatakan jumlah kakitangan kerajaan yang dikenakan tindakan disiplin kerana rasuah bagi tahun 1994, 1995 dan 1996 jika ada.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pegawai awam yang terbukti telah menerima rasuah dan melanggar tata kelakuan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Bilangan pegawai awam yang dikenakan tindakan tatatertib kerana rasuah bagi tahun 1994 ialah 24 orang dan bagi tahun 1995 pula ialah seramai 16 orang. Bilangan bagi tahun 1996 belum lagi dikumpul dan maklumat mengenainya akan diketahui akhir tahun ini.

Bentuk hukuman yang dikenakan adalah seperti berikut:

<u>Bentuk Hukuman</u>	<u>Tahun</u>	
	1994	1995
Amaran	5	5
Denda	3	2
Tanggung Pergerakan Gaji	-	1
Turun Gaji	2	1
Buang kerja	16	8

Setakat ini, tiada sebarang maklumat disampaikan kepada JPA mengenai mana-mana pegawai yang menerima rasuah dan yang menipu berhubung dengan wang deposit pembayaran harga bagi projek rumah yang tidak wujud.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan rasuah ini kadangkala menggugat prestasi negara, adakah kementerian bercadang untuk diletakkan BPR ini di bawah Suruhanjaya supaya ia lebih bebas mengambil tindakan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sekarang pun ia sudah bebas. *[Ketawa]*

KES KERACUNAN AKIBAT MINUMAN ARAK – LANGKAH MEMBANTERAS

9. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) masalah kes-kes keracunan akibat minuman arak yang diharamkan di kawasan-kawasan ladang dan estet-estet. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membanteras masalah pembuatan dan penjualan minuman arak yang diharamkan ini; dan
- (b) adakah kementerian sedar minuman arak ini laris kebelakangan ini di kalangan buruh-buruh asing yang bekerja di sini terutama di dalam industri pembinaan dan ladang. Apakah pendapat kementerian mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Walaupun kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas pembuatan dan penjualan minuman arak yang diharamkan, tetapi kegiatan ini masih dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dalam tahun 1995, seramai 16 pengusaha telah didapati tidak mematuhi peruntukan 361 di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985, 6 daripadanya telah disabitkan kesalahan di mahkamah, 9 diberi amaran dan 1 dikenakan tindakan rampasan.

- (b) Langkah-langkah penguatkuasaan bersama dengan pihak berkuasa tempatan, Kementerian Kesihatan dan pejabat-pejabat daerah akan dipertingkatkan bagi menangani gejala minuman arak di kalangan pekerja asing dan juga pekerja tempatan, terutamanya di sektor industri pembinaan dan perladangan.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minuman samsu haram ini adalah satu masalah sosial yang sekian lama wujud dalam masyarakat India. Beberapa pihak telah mendesak kerajaan untuk memperkenalkan undang-undang yang keras seperti merotan, tetapi sehingga hari ini, kerajaan tidak berhajat untuk memperkenalkan ataupun berbuat demikian. Apakah kerajaan tidak mengambil satu tindakan yang sewajarnya untuk memperkenalkan undang-undang yang sewajarnya terhadap orang-orang yang menjalankan business haram itu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat kerajaan, hukuman yang berat bukan satu-satunya penyelesaian yang berkesan. Selalunya kerajaan kena tengok keberkesanan, terutamanya selain dari segi penguatkuasaan ataupun hukuman, kita perlu juga mempunyai kesedaran di kalangan masyarakat dan juga pihak yang berkenaan untuk membantu mengadakan kempen kesedaran.

Walau bagaimanapun, kerajaan memang ada mengkaji dari segi aspek mengenakan hukuman yang keras, tetapi ada juga kelemahan-kelemahannya. Walau bagaimanapun, ini masih dalam pertimbangan kerajaan dan belum ada keputusan yang terakhir.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, nama minuman arak botol dinamakan mengikut nama yang berkaitan dengan pemimpin masyarakat India - Sivaji, Veera, Arjuna, Visnu - namanya. Kalau menamakan jalan adalah dikuatkuasakan oleh majlis bandaran atau majlis tempatan. Siapa beri nama-nama ini? Siapa meluluskan

nama-nama ini? Siapakah bertanggungjawab ke atas nama-nama ini? Ini mengenai perasaan masyarakat kaum India, saya minta kementerian supaya perbuatan ini dihentikan atau ditarik balik.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini bukan dalam bidang kuasa kementerian saya tetapi oleh kerana ada satu teguran yang dibuat, saya rasa kerajaan akan memberi perhatian.

KEMAHIRAN TEKNIK - MELATIH PEKERJA

10. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan segera yang diambil oleh kerajaan pada satu tahun yang akan datang untuk melatih lebih ramai pekerja kemahiran teknik dan berapa ramai dijangka dapat dilatih di bawah rancangan ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, menyedari keperluan terhadap tenaga mahir teknik meningkat dengan begitu pesat, Kementerian Sumber Manusia melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah mengatur rancangan dan mengambil tindakan-tindakan perlu untuk memastikan penambahan tenaga pekerja mahir teknik yang diperlukan. Di antara tindakan-tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang diambil untuk menangani masalah ini adalah seperti berikut:-

- (i) kapasiti pengambilan sekarang di semua 9 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) akan dipertingkatkan sebanyak 49% kepada 9,000 pelatih dengan mengadakan latihan dua syif di institut-institut ini;
- (ii) mempertingkatkan kapasiti, peralatan/kemudahan dan kurikulum latihan di semua ILP yang sedia ada. Kemudahan di ILP akan dipertingkatkan supaya dapat menampung lebih ramai pelatih;
- (iii) memperkenalkan bidang-bidang kemahiran terkini yang diperlukan oleh industri;
- (iv) mengadakan program pendedahan bagi membolehkan lepasan sekolah di peringkat SPM ditempatkan di ILP sementara menunggu keputusan SPM. Program selama seminggu ini bertujuan menarik minat lepasan sekolah menyertai latihan kemahiran teknikal;
- (v) mengadakan kursus terlanggan di ILP-ILP dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Latihan (CIAST) kepada pekerja-pekerja industri pada waktu petang atau hujung minggu. Jenis-jenis kursus yang dijalankan adalah mengikut keperluan industri; dan
- (vi) menyegerakan pembinaan enam buah lagi Institut Latihan Perindustrian, tiga buah Pusat Latihan Kemahiran dan Teknologi Tinggi dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Selain daripada memberi tumpuan kepada latihan 'pre-employment', Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) memberikan latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja. Sehingga 10hb. Mei 1996, MPSM telah meluluskan peruntukan lebih dari RM202 juta untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran 889,000 pekerja. Program latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja akan diperhebatkan lagi dan di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:-

- (i) Majlis Pembangunan Sumber Manusia terus berusaha memperkenalkan skim-skim latihan yang baru seperti Skim Latihan Berkelompok, Penyediaan Kemudahan Latihan di Premis Syarikat, Industrial Automation For Workers in The Manufacturing Industries

dan Kursus Teknologi Maklumat bagi menggalakkan majikan melatih pekerja-pekerja;

- (ii) memperluaskan liputan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia untuk membolehkan kumpulan wang tersebut dapat digunakan untuk melatih pekerja-pekerja di syarikat-syarikat sektor perkhidmatan, sektor perkilangan dan industri kecil dan sederhana; dan
- (iii) melaksanakan skim latihan perantisan. Melalui skim ini, majikan boleh melantik lepasan sekolah di peringkat SPM dan PMR sebagai perantis dan menaja mereka untuk menjalankan latihan dalam bidang-bidang kemahiran tertentu. Perantis akan dilantik sebagai pekerja di syarikat penaja apabila tamat latihan. Majikan-majikan yang berkenaan adalah layak menuntut bantuan kewangan daripada Majlis Pembangunan Sumber Manusia ke atas perbelanjaan latihan perantis.

Agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Belia dan Sukan masing-masing mempunyai rancangan dan program melatih pekerja mahir teknikal.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah Institut Latihan Perindustrian dicadangkan akan ditubuhkan di semua negeri dan di manakah 9 buah institut latihan yang ada sekarang ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memanglah pada akhirnya kita bercadang untuk menubuhkan ILP di semua negeri tetapi saya minta maaf, saya tidak ingat 9 buah negeri di mana terletaknya ILP. Tetapi yang saya tahu di Kedah, di Perak, di Johor, di Selangor, di Terengganu, Kelantan dan satu lagi di Pahang.

Dato' Abdul Aziz bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah wujud satu majlis di mana strategi digubal bagi menentukan pengurangan tenaga daripada luar untuk masuk ke negara kita ini supaya negara kita terkeluar daripada dengan izin, trapped in low wage economy ataupun terjebak di dalam keadaan tenaga murah dan ini akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara kita? Dan kalau sekiranya ada majlis seperti ini, bila masanya atau berapa tahun lagikah jangka waktunya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, banyak soalan ditanya.

Dato' Abdul Aziz bin Haji Abdul Rahman: Dimana...Satu soalan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang bersambung-sambung?

Dato' Abdul Aziz bin Haji Abdul Rahman: Satu soalan yang berangkaian.

Tuan Yang di-Pertua: Oh ya! *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Haji Abdul Rahman: Bilakah jumlah tenaga daripada luar ini akan mengosongkan negara kita ini supaya negara kita ini hanya menggunakan tenaga yang bermastautin secara asal di tempat kita?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebagaimana yang kita terbaca atau terdengar semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh, kita memang ada satu program khusus untuk mengurangkan penggantungan kita kepada pekerja asing dan bagi maksud ini kita ada satu Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai latihan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pekerja kita dan satu lagi adalah Jawatankuasa Khas Kabinet juga mengenai pekerja-pekerja asing. Di mana juga kita bincang sepanjang masa, bagaimana kita hendak kurangkan penggantungan kita kepada pekerja asing dan kalau kita perlu pun, apakah tenaga asing yang boleh dibawa masuk dari semasa ke semasa.

Sepanjang masa, Jawatankuasa Khas Kabinet itu juga merancang tentang cara-cara untuk kita membanyakkan pekerja tempatan.

KONTRAKTOR SEMENANJUNG DI SABAH - JUMLAH MENDAPAT PROJEK

11. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa ramaikah para kontraktor dari Semenanjung yang telah mendapat kontrak di negeri Sabah dan apakah projek tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Shafie bin Haji Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod yang ada, dalam Rancangan Malaysia Keenam terdapat 332 projek yang telah dijalankan.

Bagi tempoh 1hb. Januari 1995 sehingga sekarang, terdapat 11 kontraktor dari Semenanjung yang ditawarkan kontrak Kerajaan Persekutuan di Sabah. 7 secara tender terbuka dan 4 rundingan terus.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyenaraikan bacaan 11 projek yang terlalu panjang yang ada pada saya, saya ingin memberikannya secara bertulis.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatanakah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Ini kontraktor.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Minta maaf. Saya silap. *[Ketawa]*

KEMPEN MENANAM POKOK - GARIS PANDUAN

12. **Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memulakan kempen menanam pokok dan adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mengambil tindakan-tindakan undang-undang kepada pihak yang memotong pokok-pokok sewenang-wenangnya.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang berhasrat untuk melanskap seluruh negara. Ini termasuk menanam pokok-pokok di semua kawasan pembangunan terutamanya di sepanjang jalan raya, sungai dan di tanah kerajaan.

Sehubungan itu, satu jabatan khusus telah ditubuhkan iaitu Jabatan Lanskap Negara yang bertanggungjawab ke atas usaha melanskap dan menanam pokok di seluruh negara. Kerajaan juga telah mengeluarkan garis panduan lanskap yang boleh dijadikan oleh semua agensi pelaksana terutamanya pihak berkuasa tempatan di dalam usaha menanam pokok.

Mengenai persoalan penebangan pokok dengan sewenang-wenangnya, tindakan undang-undang boleh diambil oleh pihak berkuasa tempatan melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa. Akta ini telah memperuntukkan dua bahagian penting yang mengawal penebangan pokok iaitu Perintah Pemeliharaan Pokok dan Larangan untuk Memotong Pokok.

Pemaju yang melanggar perintah pemeliharaan pokok boleh dikenakan denda sebanyak RM50,000. Orang yang melakukan penebangan pokok yang mempunyai lilitan melebihi 0.8 meter di bawah Peruntukan Larangan untuk Memotong Pokok boleh dikenakan denda sebanyak RM5,000 untuk setiap pokok yang ditebang.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramaikah mereka yang telah didenda disebabkan merosakkan

pokok-pokok dan bagaimana pula dengan pokok yang tumbang di tengah jalan kalau mereka hendak potong atau pokok yang tumbang di sungai? [Ketawa]

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang pihak berkuasa diminta menjalankan tugas seperti ini, tetapi bagaimanapun saya rasa jabatan yang baru ditubuhkan itu adalah berkaitan rapat dengan tugas mengawal atau melaksanakan satu enforcement bagi orang-orang yang bersalah itu. Kita berharap dengan adanya Jabatan Lanskap Negara ini, kita boleh mengambil perhatian yang lebih keras mengenai masalah yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok yang tumbang di dalam sungai macam mana?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Termasuk pokok-pokok yang perlu diperlihara mengikut undang-undang yang sedia ada.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa ada antara lain peraturan-peraturan mengenai pemeliharaan pokok. Soalan saya ialah adakah atau tidak kementerian mewujudkan garis panduan atau peraturan mengenai menanam pokok terutama pokok-pokok di tepi jalan? Sebab kita dapat lihat baru-baru ini banyak pokok tumbang di tepi jalan, contohnya di Petaling Jaya kerana ribut. Jadi, adakah peraturan terutama tentang penanaman pokok-pokok 'instant'?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Memang ada garis panduan lanskap khasnya yang mengenai jensi-jenis pokok yang sesuai ditanam dan macam mana pokok itu dijaga dengan baik. Garis panduan ini sebenarnya sudah dimasukkan ke dalam sebuah buku yang telah diterbitkan dan boleh diperolehi sekarang daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Kita berhasrat untuk melancarkan (launch) buku ini tidak lama lagi apabila jabatan ini sudah ditubuhkan, sebab jabatan ini buat masa sekarang belum boleh bergerak. Apabila jabatan ini telah disiapkan nanti kita akan melancarkan buku ini secara umum.

PERGOLAKAN MASYARAKAT ISLAM - KEPRIHATINAN PERDANA MENERI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

13. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) peranan dan keprihatinan Perdana Menteri di peringkat antarabangsa terhadap pembelaan keadilan, khususnya pergolakan dalam masyarakat Islam, memerlukan sokongan dan susulan yang terancang dan berkesan. Apakah pandangan dan tindakan pihak kementerian dalam melaksanakan agenda tersebut; dan
- (b) adakah peranan dan khidmat kedutaan dan konsul Malaysia di seluruh dunia sudah mencapai tahap yang sewajarnya dan apakah strategi semasa dan berterusan yang ditekankan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri kita untuk memperjuangkan nasib masyarakat Islam di peringkat antarabangsa, Kementerian Luar Negeri telah mengambil tindakan sewajarnya dalam melaksanakan agenda tersebut.

Langkah-langkah tertentu yang berkesan telah diambil melalui saluran diplomatik dan semasa mesyuarat di peringkat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan juga Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membela keadilan masyarakat Islam yang tertindas.

Di antara lain Malaysia telah memainkan peranan yang penting di dalam memperjuangkan nasib rakyat Bosnia dan Palestin. Di dalam hal ini Kementerian Luar Negeri telah memainkan peranan yang aktif di dalam melaksanakan program dan

aktiviti untuk membantu rakyat dan Kerajaan Bosnia-Herzegovina sehingga tercapainya keamanan di negara tersebut.

Di samping itu Malaysia juga telah membela dan menyokong kepentingan umat Islam yang berada di negara-negara yang bukan Islam. Selain dari itu, kementerian ini juga telah menyalurkan banyak bantuan kepada negara-negara Islam seperti di Afrika, Asia dan Timur Tengah yang memerlukan bantuan melalui program kerjasama teknik Malaysia sejak tahun 1981.

Kedutaan dan Konsul Malaysia di seluruh dunia telah memainkan peranan yang penting untuk melaksanakan dasar luar kerajaan. Di antara strategi semasa yang diamalkan oleh perwakilan Malaysia ialah, untuk mempertingkatkan lagi kerjasama ekonomi terutamanya dari segi perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

Untuk meningkatkan lagi kepakaran diplomat-diplomat kita dari Malaysia dalam bidang-bidang tertentu, Kementerian Luar Negeri akan terus mengadakan latihan dan kursus yang berkaitan kepada mereka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi kerjasama ekonomi setakat ini berapa banyak pelaburan kita di negara-negara Islam dan sebaliknya pelaburan negara-negara Islam di sini, dalam hubungan di segi ekonomi?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengadakan perhubungan perdagangan dua hala melalui program atau perjanjian antara negara dalam bidang perdagangan. Untuk menjelaskan butir-butir mengenai beberapa perdagangan yang wujud sekarang, saya tidak dapat memberinya pada masa ini, tetapi saya akan menjawab secara bertulis.

KAD PENGENALAN - PERATURAN YANG BELUM MEMBAHARUI

14. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah peratusan rakyat dari tiap-tiap negeri di seluruh Malaysia yang belum memperbaharui kad pengenalan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mencapai masalah tersebut.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, anggaran peratusan mengikut negeri sukar dipastikan kerana terdapat perpindahan tempat tinggal dan mereka boleh mengemukakan permohonan mereka di mana-mana kaunter Jabatan Pendaftaran Negeri di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya setakat Disember 1995 dianggarkan 17.6% ataupun 2,413,302 pemegang kad pengenalan plastik masih belum mengemukakan permohonan menukar Kad Pengenalan Bermutu Tinggi. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memberitahu kepada orang awam melalui media massa mengenai hukuman denda yang akan ditanggung jika tidak menukar selepas 31hb. Disember 1996. Di samping itu, kerajaan juga akan memastikan semua kaunter permohonan di Jabatan Pendaftaran Negeri di seluruh negara akan sentiasa memberikan kemudahan kepada orang ramai, di samping pasukan khidmat bergerak juga diadakan untuk kawasan pedalaman dan tempat-tempat yang diperlukan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh membaharui kad pengenalan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan kerana kita masih ada 7 bulan lagi. Sebenarnya buat masa sekarang ini hanya tinggal kira-kira 2 juta atau kurang sedikit yang belum membaharui kad pengenalan. Kalau mereka semua keluar dalam masa 7 bulan ini, kita masih boleh menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ramai orang masih belum membaharui kad pengenalan yang baru, termasuk saya pun masih belum lagi membaharui, sebab sibuk sangat berkhidmat untuk rakyat jelata. [Ketawa] Ramai kawan-kawan pun belum lagi membaharuinya, oleh itu boleh saya minta kementerian supaya dapat melanjutkan tarikh untuk semua

Tuan Yang di-Pertua: Untuk semua apa itu? Semua orang?

Tuan Yim Chee Chong: Semua orang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya operasi menukar kad pengenalan ini adalah untuk kebaikan dan kepentingan negara, kerana kita dalam proses untuk mengumpulkan satu data kependudukan negara. Lagi cepat kita selesaikan operasi ini, lagi cepat kita akan ada satu data komputer boleh digunakan untuk semua jabatan supaya kita boleh capai Wawasan 2020 lebih cepat. Oleh kerana semua orang hendak kata senang baru buat, susah kita hendak capai. Lagi pun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negeri Sembilan prestasinya cukup baik. Daripada rekod ini, Negeri Sembilan ada sasaran 561,000 orang sepatutnya. Tetapi orang keluar tukar sudah lebih daripada itu - 573,000. Maknanya, ada orang luar pun masuk Negeri Sembilan untuk tukar, kecuali Yang Berhormat sahaja belum tukar. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi sekarang ini dia kerja kuat, dia tolong orang lain. [Ketawa]

PELAJAR BUMIPUTERA - SEBAB KEMEROSOTAN PENCAPAIAN AKADEMIK

15. **Dato' Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sebab-sebab kemerosotan pelajar-pelajar bumiputera sejak tahun 1990; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk memberi biasiswa kecil seperti tahun 60-an berjumlah RM25 kepada pelajar Tingkatan I hingga 3 dan RM50 kepada pelajar-pelajar di Tingkatan 4 dan 5 sebagai usaha untuk mengatasi kesusahan ibu bapa bumiputera khususnya di luar bandar dan sebab-sebab jika perkara seperti ini tidak dapat dijalankan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan,

- (a) Soalan ini tidak begitu jelas maksudnya. Namun demikian, jika kemerosotan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera, ianya tidak benar. Sebab mengikut keputusan peperiksaan SPM didapati peratusan pencapaian pelajar bumiputera meningkat, iaitu daripada 65.6% pada tahun 1993 kepada 66.3% tahun 1994, dan kepada 67.4% pada tahun 1995. Tetapi kalau dimaksudkan pencapaian itu kepada mata-mata pelajar yang tertentu seperti Metamatik, Sains, Bahasa Inggeris, di situ memang ada kelemahan-kelemahan yang perlu diatasi, dan ini kita cuba ikhtiarkan melalui pelbagai kursus motivasi, bengkel-bengkel dan juga kita mengadakan gerak-gempur di musim cuti sekolah untuk membantu murid-murid ataupun pelajar-pelajar tersebut.
- (b) Kementerian Pendidikan masih meneruskan tawaran Biasiswa Kecil Persekutuan berjumlah RM25.00 sebulan bagi pelajar-pelajar bumiputera berkecukupan di Tingkatan I hingga ke Tingkatan 5. Di

samping itu, biasiswa kelas persediaan universiti ditawarkan kepada pelajar-pelajar bumiputera yang berkelayakan di Tingkatan 6 dan kelas Matrikulasi pada kadar RM45.00 sebulan bagi aliran sastera, dan RM55.00 sebulan bagi aliran sains.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dapatkah kementerian pertimbangkan untuk memberi pelajaran percuma dan mewajibkan pendidikan sehingga ke peringkat menengah rendah?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ini satu perkara yang perlu diteliti oleh kementerian dan kerajaan.

PARABOLA - PENGGUNAAN

16. **Datuk Maidom P. Pansai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah penggunaan 'parabola' di negara ini khusus sekali di negeri Sabah boleh diluluskan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah peraturan semasa pengguna parabola memerlukan lesen radio komunikasi yang dikeluarkan oleh Jabatan Telekom Malaysia, kementerian saya. Pada masa ini, Kementerian Penerangan juga sedang dalam proses mengkaji penggunaan parabola untuk menerima saluran yang dipancarkan oleh Satelit MEASAT dan keputusannya akan dapat diketahui apabila peraturan-peraturan berkaitan dengan penggunaan parabola diluluskan kelak.

Datuk Maidom P. Pansai: Soalan tambahan. Sama ada kerajaan sedar bahawa di negeri Sabah sekarang ini apa yang menyebabkan saya bertanya ialah ternyata beberapa parabola kelihatan dipasang. Mereka dapat bekalan dari Indonesia kerana hanya mempunyai sempadan, line frontier, dibekalkan menerusi Lawas, Sarawak. Jadi, saya sendiri pun pernah didatangi untuk menawar penjualan. Jadi, sama ada ini disedari, dan kalau disedari, kenapa ianya dibiarkan di situ. Saya menganggap bahawa kelulusan sudah pun diperolehi.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar bahawa terdapat penduduk di Sabah dan Sarawak telah pun menggunakan parabola secara haram, iaitu kalau mengikut undang-undang yang sedia ada, ini tidak sah. Tetapi pihak kementerian memang juga bersimpati kerana keadaan supaya di beberapa tempat di Sabah dan Sarawak oleh kerana geografi dia tidak dapat menerima siaran, sungguhpun dari RTM dan TV3 secara jelas. Walau bagaimanapun, perbuatan ini masih bertentangan dengan undang-undang. Kalau sekiranya Yang Berhormat hendak memberikan tekanan yang kuat, maka pihak kementerian saya boleh mengambil tindakan serius tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, memandangkan pihak kerajaan sedang mengambil langkah untuk membenarkan penggunaan parabola untuk menerima program satelit melalui MEASAT, maka kita akan menunggu sedikit masa lagi selepas keputusan muktamad telah dibuat oleh kerajaan, maka kita akan mengadakan satu review secara menyeluruh tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 Hingga 30 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL**Rancangan Malaysia Ketujuh
1996 - 2000**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul dibuat di atas nama Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020.” [29 Mei 1996]

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahaiah, sila sambungkan perbahasan.

3.37 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyambung perbahasan saya berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketujuh. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa terharu apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di dalam pembentangannya yang lalu bahawa dia mengatakan pencapaian negara dalam bidang pertanian katanya lembab. Memang jelas bahawa pencapaian sektor pertanian menurun jika dibandingkan dengan pencapaian bidang-bidang lain dalam Rancangan Malaysia Keenam yang lalu. Terharu juga saya kerana dengan ini dan dengan izin saya rasakan bahawa ‘half of the battle is won’ kerana dengan penerimaan kenyataan hakikat bahawa kita lembab baru boleh kita mengubah untuk mengatasi masalah kelembapan tadi.

Saya juga terharu dengan pengakuan tersebut nyata bahawa cadangan perbahasan dan ulasan-ulasan di Dewan yang mulia ini diambil kira kerana kadangkala saya merasakan sangat hampa dan tidak puas hati dengan jawapan Kementerian Pertanian di atas beberapa perkara yang terbabit dengan Kementerian Pertanian ini dalam Dewan yang mulia ini. Contohnya apabila dibuat pertanyaan dilaporkan bahawa Korporasi Asas Tani diserahkan kepada Kementerian Pertanian pada tahun 1974 berkembang maju, katanya, berjalan dengan baik dan berkesan. Tetapi pada hakikatnya dan mengikut angka-angka yang ada, jumlah koperasi tersebut kini semakin kurang saban tahun dan jumlah anggota, jumlah asetnya juga berkurang, dan yang yang tinggal itu pun kebanyakan hidup di dalam mati, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pencapaian untuk merombak semula agensi pertanian negara dan segala rangka-rangka dan habuk-habuk

dalam gerubuk dalam kementerian ini dibersihkan. Jika dikuburkan, kuburkanlah dengan segera.

Misalnya, Lembaga Pertubuhan Peladang, saya kira perlu dikaji pencapaiannya. Benar, ada kejayaannya di sana sini, tetapi adakah pulangan ataupun keberkesannya seimbang dengan sumbangan yang diberi oleh kerajaan. Banyak daripada projek yang dijalankan hanya maju buat seketika sahaja, tidak bertahan lama. Pada pandangan saya, biarlah projek yang dijalankan sedikit tetapi berdaya maju, berdaya saing dan bertahan lama. Pada keseluruhannya ahli-ahli pertubuhan peladang negara ini terdiri daripada peladang-peladang yang duduk di luar-luar bandar yang kadangkalanya diiktiraf sebagai rakyat termiskin, oleh itu jika kita benar-benar dapat membantu mereka secara tersusun dan terancang walaupun tidak secara besar-besaran, kita dapat menyelesaikan masalah kemiskinan dan mengurangkan jurang pemisahan di antara mutu hidup bandar dan luar bandar.

Saya berharap apabila Rancangan Malaysia Ketujuh ini nanti berakhir, ahli-ahli pertubuhan peladang negara kita dapat merasa megah dan bangga menjadi anggota pertubuhan peladang seperti mana mereka menjadi ahli-ahli pertubuhan peladang di negara-negara lain, seperti di negara Korea, misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, di Korea, ahli-ahli pertubuhan peladang melambangkan peladang-peladang yang berjaya yang boleh berdiri di atas kaki sendiri. Di masa itu nanti sampailah kita ke matlamat menaikkan taraf martabat peladang melalui Lembaga Pertubuhan Peladang Negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi adalah berkenaan dengan tanah-tanah terbiar di kampung-kampung kita. Agenda ini kita sudah ulang tayang banyak kali, merata-rata kita lihat sawah terbiar tidak dikerjakan, pokok-pokok getah tidak ditoreh, tidak dijagai dan tanah-tanah kepunyaan individu tidak langsung diberi perhatian. Kadangkala di kampung-kampung begini, di dalam kerajaan menggalakkan ternakan lembu dan kerbau, keadaan pembiakan babi-babi hutan berleluasa. Adakalanya ternakan liar lagi bebas ini, di malam bulan terang berkeliaran di tempat-tempat kediaman di dalam kampung-kampung. Babi-babi hutan ini bukan sahaja menjadi penghalang atau perosak utama kepada pembangunan pertanian setempat, tetapi mengancam keselamatan penduduk setempat. Ada juga ceritanya beberapa kemalangan berlaku di antara binatang-binatang tadi dengan kereta-kereta dan motosikal dan ada juga sekali sekala melibatkan nyawa penduduk setempat. Saya kira babi-babi hutan ini akan balik ke hutan jika kampung-kampung tidak menyerupai tempat tinggal asasi mereka. Oleh itu mesejnya di sini segerakanlah baik pulih tanah terbiar di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan teknologi Jepun kerana saya berpeluang tahun ini yang mana saya lihat peladang-peladang di Jepun hanya mempunyai kawasan yang terhad, tetapi dengan teknologinya, mereka boleh mendapat pulangan yang berganda dan peladang tersebut dapat menyara keluarga mereka dengan baik. Saya agak terpicat apabila saya lihat peladang-peladang di Jepun ini ke ladang dengan kereta yang bermodel baru dengan berpakaian lengkap dan rapi. Alangkah baiknya jika peladang kita juga boleh sampai ke tahap itu. Saya kira inilah yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri peningkatan kualiti hidup.

Kalaulah melalui Rancangan Malaysia Ketujuh begitu baik kualiti hidup kita di desa, tidaklah akan ada wanita-wanita dan belia-belia yang ingin ke kota untuk menyiksakan diri dan keluarga di rumah-rumah setinggan dengan keadaan alam sekitar yang tidak sihat. Oleh itu uruskanlah sektor pertanian ini dengan sempurna, guna tenaga diatur dengan baik, tanah diuruskan sepenuhnya dan dipadankan dengan teknologi yang sesuai dan adunan ini akan menghasilkan peningkatan pengeluaran yang akan menambahkan pendapatan peladang-peladang kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian bahawa mengikut matlamat yang ada kita mengimport bijirin kering untuk makanan ternakan kita

terutamanya jagung. Diberitakan juga bahawa apabila negara Asean seperti Thailand membekukan eksport jagung mereka, Malaysia terpaksa membeli bekalan daripada Amerika Syarikat dengan harga yang ditentukan oleh mereka. Dengan harga itu, harga hasil ternakan kita meningkat dengan sendirinya menaikkan harga ayam, telur dan lain-lain komoditi yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya di sini berapa lamakah kita harus bergantung kepada negara luar untuk keperluan jagung kita? Tidakkah ada caranya Kementerian Pertanian dengan segala kepakaran yang ada mencari jalan supaya dapat mengeluarkan jagung dengan kadar harga yang setanding dengan harga import jagung. Dengan cara ini kita boleh kurangkan harga import negara dan meningkatkan pendapatan peladang dan mengurangkan kos pengeluaran ayam dan telur.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu perkara yang saya kurang faham iaitu kerja-kerja pertanian di Kementerian Pertanian ataupun di Jabatan-jabatan Pertanian di daerah-daerah. Saya dapati ada berbagai-bagai aktiviti di Jabatan Pertanian tersebut, sebagai demonstrasi, pertandingan, tunjuk ajar dan pelbagai cara masak-memasak termasuklah memasak masakan antarabangsa yang diberi kepada wanita-wanita kampung melalui jabatan. Yang saya tidak faham juga, apakah perlunya atau pun manfaatnya kepada wanita jika mereka diajar cara memasak makaroni, misalannya - hendak sebut pun saya tidak pandai.

Tuan Yang di-Pertua: Betullah itu.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Pada halnya wanita-wanita kita tidak perlu tentang cara masak-memasak begitu dan saya lihat kadangkala aktiviti ini hebat dilakukan pada masa-masa tertentu di masa pemilihan pucuk pimpinan parti di daerah-daerah tersebut di mana di majlis-majlis itu dipanggil juga mana-mana pemimpin yang direstui oleh Jabatan Pertanian sebagai perasminya.

Alangkah baiknya jika Jabatan Pertanian di peringkat bawahan ini menumpukan perhatian mereka kepada tunjuk ajar dan demonstrasi aktiviti yang boleh mendatangkan ilmu yang berpanjangan. Sebagai mana yang pernah saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kita boleh kerah wanita beramai-ramai boycott jem buatan luar negeri kalau Jabatan Pertanian dapat mengusahakan ataupun dapat membimbing wanita-wanita negara supaya membuat jem-jem buatan petani kita setanding dengan jem yang diimport dan diletakkan dengan megahnya di atas rak-rak di pasar raya di seluruh negara. Ini sekali gus akan dapat menaikkan harga hasil tani atau hasil dusun kita.

Tuan Yang di-Pertua: Jem apa agaknya?

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Kalau di Kuala Kangsar, mungkin jem manggis sedap, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Di Kuala Kangsar?

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Ya. Tuan Yang di-Pertua, mungkin salah satu sebabnya tanah menjadi terbiar kerana ada masalah kepunyaan ataupun hak di atas tanah tersebut. Saya cadangkan kerajaan memudahkan pindahan hak milik tanah yang sedang di dalam bicara kuasa kerana kebanyakan tuan-punya telah meninggal dalam jangka masa 50 tahun atau 60 tahun sebelumnya.

Akhirnya dalam bab ini saya harap kerajaan tidak terlalu lama di dalam tahap perancangannya dan tahap pengumpulan datanya. Sesuatu haruslah dilaksanakan walaupun masih dalam peringkat 'planning' tetapi biarlah dibuat secara simultaneous, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan sistem pendidikan kita. Saya amat bersimpati dengan para guru dan juga para murid-murid. Dua tiga dekad yang lalu di masa saya bersekolah kita cuma ada aktiviti tambahan, pandu puteri, boyscout, bulan sabit, koperasi sekolah dan juga sukan-sukan tertentu, tetapi pada masa ini sudah wujud berbagai-bagai aktiviti. Sudah ada kelab

pelancongan, kelab usahawan, kelab mempertahankan diri, Puteri Islam dan lain-lain lagi. Sudahlah begitu, aktiviti-aktiviti menghambat penuntut-penuntut dan meminta masa guru-guru, aktiviti-pula bertindih dari segi matlamat dan pelaksanaannya. Demi untuk kebaikan semua disarankan.....

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ibrahim, hendak minta laluan?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya baru sampai.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, baru sampai. *[Ketawa]*

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Demi untuk kebaikan semua saya sarankan Kementerian Pendidikan selaraskanlah aktiviti ini supaya lebih berkesan.

Saya sebutkan tadi, kalau semasa saya bersekolah dahulu, saya dibekalkan dengan semangat Pandu Puteri, katanya 'do your best' ataupun buatlah sehabis baik, yang mana saya pakai dan saya amalkan sehingga hari ini.

Saya kira tidak ramai penuntut pada hari ini dapat mewarisi apa-apa semangat yang disemaikan di alam persekolahan sebagaimana saya perolehi dengan rakan-rakan seangkatan dengan saya perolehi. Biarlah aktiviti itu berpatutan dan dapat menjadi kesan berpanjangan, itulah yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah tidak dapat kita pisahkan daripada tempat ataupun kilang melatih dan mencungkil bakat-bakat johan sukan untuk negara. Setakat ini kita berbangga dengan pencapaian Sidek Bersaudara kerana Haji Sidek mempunyai visi dan wawasan untuk anak-anaknya yang mana secara peribadi tentunya dengan banyak pengorbanan dari masa anak-anaknya masih kecil lagi untuk menentukan bahawa anak-anaknya membesar sebagai johan badminton negara dan dunia. Kalau secara individu Haji Sidek boleh lakukan, saya rasa jika benar-benar Kementerian Pendidikan berwawasan dan bercita-cita banyak johan boleh dilahirkan dan kita akan boleh berbangga nanti dengan johan-johan di dalam bidang-bidang yang lain. Jika badminton merupakan satu permainan yang memerlukan kos yang tinggi mengapa tidak Kementerian Pendidikan memberi tumpuan kepada permainan sepak raga atau sepak tekrau, pusaka datuk moyang kita?

Oleh kerana kos permainan ini amat sederhana, maka Kementerian Pendidikan bolehlah merancang dan berusaha untuk memajukan permainan ini di sekolah-sekolah dengan kadar segera supaya tidak dipolitikkan sebagaimana sukan-sukan yang lain baik oleh majlis-majlis sukan sekolah ataupun oleh majlis-majlis sukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya meraih emas untuk acara ini di sukan-sukan antarabangsa, contohnya di Sukan SEA di Chiang Mai baru-baru ini, tetapi kita selalu kalah dengan negara Thailand. Soalnya mengapa? Kita harus bersedia kerana sepak 'tekrau' akan dijadikan satu acara dalam Sukan Olimpik nanti. Sekolah-sekolah di bawah kementerian

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang hendak minta laluan, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Sepak apa yang disebutkan tadi?

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Sepak tekrau.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Betulkah sebutan itu Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tanya Tuan Charern, betul atau tidak?

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, sepak takraw.

Tuan Yang di-Pertua: Takraw! Bukan 'tekrau'. *[Ketawa]*

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Ya, saya sebutkan 'takraw'.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan berilah keutamaan untuk johan-johan daripada sekolah-sekolah termasuklah sekolah-sekolah dari desa-desa kerana kadangkala johan kampung boleh jadi johan dunia. Saya percaya kita 'boleh'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan keselamatan. Apabila kita keluar negara walaupun kita ke Singapura, negara paling dekat, selalu kita diberi satu, dalam teksi pun disebut, dia kata, 'In Singapore you are safe, you can go anywhere', dengan izin, bahawa dia kata, 'kita boleh pergi ke mana-mana dan selamat'. Tetapi di Malaysia bagaimana, Tuan Yang di-Pertua, adakah keselamatan untuk pelancong malah adakah selamat untuk kita dan keluarga kita?

Pelbagai cerita benar yang dipaparkan di muka akhbar menakutkan kita, adakah kini Malaysia sudah tidak selamat lagi untuk anak-anak kita? Ada cerita menyatakan bahawa anak-anak dibunuh untuk dijual sebahagian daripada anggotanya, dijual sebagai hamba seks, digunakan sebagai alat untuk menyeludup dadah, dijadikan alat penebus dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah pada tahun 1994 sahaja jumlah anak-anak yang hilang di bawah umur 14 tahun adalah seramai 636 orang, dijumpai cuma 132, yang masih hilang hingga kini entah ke mana seramai 404 orang dan pada tahun 1995 begitu juga.

Saya benar-benar mengharapkan kerajaan ataupun Kementerian Dalam Negeri mngambil kira fenomena baru dalam masyarakat kita ini supaya dapat dibanteras di peringkat awal lagi, janganlah selalu kita berpegang kepada budaya menunggu, 'the worst to happened', dengan izin, barulah buat suruhanjaya penyiasat dan lain-lain, biarlah kita proaktif, "nip in the bud", dengan izin, jadikanlah negara kita negara yang selamat bagi pelancong ...

Tuan Yang di-Pertua: Nip in the bud, sebutkanlah dalam Bahasa Melayu sedikit! Ada orang tak tahu.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Nip in the bud, sebab susah itu, saya minta izin tadi, bahawa kita 'selesaikan masalah itu sebelum masalah itu berlaku'.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, itu dia.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Jadikanlah negara kita negara yang selamat bagi pelancong-pelancong dan yang pentingnya bagi anak-anak dan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan wanita. Wanita Malaysia memang maju kalau kita bandingkan dengan negara-negara tertentu tetapi banyak yang perlu kita jalankan atau lakukan supaya kita maju sebagaimana wanita di negara-negara maju yang lain. Wanita Malaysia juga beruntung kerana selepas persidangan Mexico pada tahun 1975 wujudnya Majlis Penasihat Kebangsaan untuk integrasi wanita dalam pembangunan ataupun NACIWID.

20 tahun berlalu dan NACIWID sebagaimana kata bekas Yang di-Pertua NACIWID dalam *Berita Harian* pada 11hb. Mei, 1996 harus dikaji semula supaya benar-benar berfungsi sebagai penasihat tertinggi kepada kerajaan mengenai pembangunan wanita. Minta kerajaan membuat satu penilaian tentang keahlian majlis tersebut dan juga keberkesanan mereka sebagai ahli majlis.

Saya juga mencadangkan supaya setelah 20 tahun selepas wujudnya NACIWID dan HAWA dikaji peranan kedua-dua badan tersebut supaya dapat menepati atau memainkan peranan sebagaimana hasrat penubuhan mereka. Di masa yang sama, saya minta disemak juga tentang keperluan dan tatacara majlis seumpama ini diwujudkan di negeri-negeri dan di daerah-daerah dan diberi bantuan prasarana yang sesuai untuk mereka terus bergerak. Sudah sampai masanya mereka tidak hanya menganjurkan majlis perayaan Hari Wanita sahaja tetapi lebih bermakna dengan melibatkan diri mereka di dalam merancang arah tuju wanita setempat.

Keahlian majlis biarlah meliputi pegawai-pegawai kerajaan dan juga wakil-wakil wanita dari pelbagai sektor, contohnya sektor perindustrian, sektor perkhidmatan, sektor koperasi, sektor korporat dan juga wakil dari NCWO yang boleh mewakili pertubuhan-pertubuhan NGOs.

Tuan Yang di-Pertua, itulah cadangan saya berkenaan dengan kemajuan wanita, saya pula ingin pergi ke arah gerakan koperasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Rancangan Malaysia Ketujuh adalah berteraskan pembangunan negara, saya menarik perhatian terhadap peranan gerakan koperasi negara ke arah pencapaian tersebut. Kita sedar kerajaan begitu prihatin terhadap kemampuan gerakan koperasi sehinggakan mewujudkan kementerian khusus untuk pembangunan koperasi. Pada tahun 1993 telah pun menggubal akta baru iaitu Akta Koperasi 1993 menggantikan Akta Koperasi 1948. Apabila akta diluluskan oleh kedua-dua Dewan di sidang Parlimen yang mulia ini, kita beranggapan bahawa akta akan menjanjikan sesuatu yang amat baik dan sesuatu yang baru tetapi ternyata pelaksanaannya belum dapat dibanggakan, sudahlah penguatkuasaannya terlambat iaitu satu tahun selepas diluluskan, sekarang beberapa pelaksanaannya juga agak sukar ditahap bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Koperasi, koperasi-koperasi diwajibkan meminda perlembagaan di dalam tempoh dua tahun iaitu yang akan berakhir pada Mac 1996 yang akan datang ini. Jabatan Pembangunan Koperasi, setakat ini menerima 39% permohonan untuk meminda undang-undang tersebut dan daripada itu cuma 20% sahaja yang kini telah diluluskan pindaannya. Apakah kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh 61 koperasi yang belum dapat diatasi di dalam jangka sembilan bulan yang akan datang ini. Adakah dalam jangka sembilan bulan ini, 61% lagi itu dapat menghantar permohonan tersebut?

Saya kira kesulitan dan masalah koperasi ini tidaklah dapat diselesaikan dengan hanya melanjutkan tempoh pelaksanaan kerana dengan berbuat demikian, seolah-olah kita mempersendakan penggubalan undang-undang itu sendiri dan yang pentingnya masalah dan kesulitan-kesulitan koperasi tadi belum dapat diselesaikan dengan perlanjutan tempoh pelaksanaan. Dilaporkan juga Jabatan Pembangunan Koperasi dan kementerian mungkin memberi dan memperakukan lanjutan tempoh lagi dua tahun. Adakah dapat diberi jaminan bahawa pada tahun 1998 nanti agenda ini akan dapat dibereskan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang wujudnya satu tabung yang diwujudkan oleh kerajaan yang dinamakan Tabung Wang Pusat Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah, berhenti sekejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan 6(3) saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan Mesyuarat.

Tuang Ding Seling: Sila teruskan Puan Hajah Rahaiah.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Koperasi 1993 diterangkan dengan jelas kewujudan Kumpulan Wang Pusat Koperasi dan dibentangkan bahawa pengurusan kumpulan wang tersebut adalah dikendalikan oleh pegawai-pegawai kerajaan di bawah kelolaan Ketua Pendaftar Koperasi Negara yang juga merupakan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negara. Kumpulan Wang Koperasi Pusat ini menerima wang daripada koperasi-koperasi yang telah ditutup ataupun harta cair mana-mana koperasi yang tidak ada penerimaannya setelah diagih-agihkan kepada ahli-ahli koperasi yang memegang saham.

Setakat ini jumlah Kumpulan Wang Pusat koperasi tersebut adalah RM11.5 juta dan pulangan daripada pelaburan adalah setengah juta setahun. Dijelaskan juga di dalam akta bahawa perbelanjaan yang dikenakan kepada tabung ini lazimnya adalah khusus bagi perkara-perkara tertentu yang boleh membantu dalam perkembangan dan pembangunan koperasi yang di luar daripada skop dan tanggungjawab belanjawan

yang diperuntukkan oleh kerajaan. Ianya bertujuan bagi membantu usaha-usaha membangun gerakan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 1995 wang terkumpul ialah RM11.5 juta dan ini telah dilaburkan atau telah didepositkan di dalam bank dan mendapat pulangan berbentuk faedah di dalam lingkungan setengah juta. Didapati juga bahawa perbelanjaan untuk tahun 1995 adalah lebih kurang RM110,000 kesemuanya dan ingin saya paparkan di sini daripada perbelanjaan tersebut, iaitu keseluruhan perbelanjaan pada tahun 1995 adalah RM112,000 dan daripada RM112,000 ini, RM90,000 adalah digunakan untuk lawatan sambil belajar ke Germany, Sweden oleh pegawai JPK dan pemimpin koperasi iaitu RM39,000, Cooperative Key Issues Conference di Sydney, pegawai-pegawai GPK dan pemimpin koperasi RM38,000, lawatan kerja ke ICA, New Delhi, India RM18,000 pegawai-pegawai JPK. Jadi, daripada RM110,000 yang telah dibelanjakan untuk tahun 1995, RM90,000 adalah dibelanjakan untuk tujuan lawatan dan lain-lain oleh pegawai-pegawai dan juga pemimpin koperasi.

Di sini saya ingin membuat cadangan supaya Kementerian Kewangan mengkaji secara serius bagi menubuhkan satu bank koperasi nasional berasaskan wang yang terkumpul itu supaya wang yang dihasilkan daripada gerakan koperasi dapat diuruskan untuk dimanfaatkan oleh gerakan koperasi, dijalankan secara koperasi, menjadi lambang kemegahan gerakan koperasi negara sebagaimana wujudnya satu bank koperasi di Manchester, United Kingdom yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini untuk lebih dinamik dan berdaya maju, saya sarankan juga sebelum wujudnya bank tersebut supaya pengurusan kumpulan wang ini haruslah dijempit daripada kalangan ahli-ahli koperasi yang ternyata kewibawaannya dalam mengendalikan kumpulan wang dan juga orang-orang perseorangan yang memang bijak di dalam pengendalian kumpulan wang seumpama ini. Haruslah kumpulan wang ini dikendalikan secara profesional walaupun agak konservatif. Bukanlah secara sekarang, dimasukkan ke dalam pelbagai bank komersil mengharapkan faedah bank semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, sementara perkara untuk menubuhkan bank koperasi nasional dikaji, saya mencadangkan supaya diberhentikan penggunaan wang tersebut bagi tujuan menghantar pegawai-pegawai ke luar negara. Saya sangat bersetuju mereka diberi pendedahan dan pengalaman dan bercadang juga kementerian memberikan peruntukan yang tertentu bagi pegawai-pegawai mereka untuk berbuat demikian kerana kalau sekiranya mereka melihat betapa agongnya bank koperasi di United Kingdom itu, sudah tentu apabila mereka kembali ke tanah air, mereka dapat merancang untuk menubuhkan bank nasional bagi negara kita pula.

Keduanya, saya juga ingin membuat saranan bahawa pernah di Dewan yang mulia ini Kementerian Pembangunan Koperasi menyatakan tiada kemampuan untuk memberi perhatian khusus kepada pembangunan koperator wanita yang berjumlah tidak kurang daripada satu juta di seluruh negara. Walaupun katanya, didapati mereka cuma menjadi ahli sebagai penerima khidmat yang dirancangan oleh koperator lelaki iaitu penyertaan wanita yang pasif. Mereka juga tidak duduk di tahap pembuat keputusan pengubah dasar di koperasi masing-masing. Alangkah baiknya jika wang perolehan dari Kumpulan Wang Pusat Koperasi tadi dapat digunakan untuk tujuan ini.

Sebagai seorang koperator wanita, saya merancang ingin melihat satu rantaian koperator wanita yang berkesan sebagaimana ada di negara Jepun dengan hunt group mereka.

Pada hemat saya, kita tidak perlu terlalu ambitious, dengan izin, tetapi kita percaya mesti ada langkah pertama untuk seribu langkah ke hadapan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, itulah tadi pandangan saya terhadap beberapa perkara yang diharap dapat diberi perhatian oleh kementerian yang bertanggungjawab. Semoga Rancangan Malaysia Ketujuh akan berjaya sebagaimana Rancangan Malaysia yang lalu dan juga saya menyarankan supaya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bukan

sahaja dapat memberi sumbangan dalam mencapai hasrat Rancangan Malaysia Ketujuh, tetapi supaya dapat terus memberi sumbangan di luar Dewan ini.

Saya mencadangkan supaya Ahli-ahli Dewan Negara ini diperuntukkan satu jumlah wang untuk membantu kerajaan menyampaikan hasrat dan cita-cita Rancangan Malaysia Ketujuh terus ke akar umbi.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

4.11 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan Negara berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 - 2000.

Saya mengucapkan tahniah seperti rakan-rakan yang lain kerana Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 - 2000 ini merupakan satu rancangan yang amat komprehensif bagi menyediakan Malaysia untuk memasuki ke abad 21 ke millennium baru dan ianya juga dibuat dengan sebegitu rupa kerana mengambil kira cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh negara kita dan dunia seluruhnya.

Rancangan Malaysia Ketujuh ini mencerminkan kekuatan pemikir-pemikir pemimpin kita bagi meneruskan peningkatan pembangunan ekonomi dan disokong dengan amat baik oleh pegawai-pegawai kerajaan yang memikirkan cara mana pertumbuhan negara kita ini dapat terus dipertahankan sekurang-kurangnya 8% mengikut unjuran yang telah pun kita capai setakat ini, 8.7% dan kalau sekiranya ini berterusan, insya-Allah pada 2020 nanti, kita difahamkan bahawa orang Inggeris sendiri daripada Britain menyatakan ekonomi kita akan jadi lebih maju daripada Britain. Ini merupakan satu pengakuan yang amat membanggakan.

Semuanya ini dapat kita buat kerana wujudnya satu keadaan yang stabil antara kaum di negara kita dan juga satu kekuatan politik dan masyarakat yang harmonis bagi menentukan tidak wujud salah faham antara kita sesama kita, maka barulah kita dapat menggubal dasar-dasar baik ekonomi, mahupun sosio budaya bagi menentukan pencapaian berterusan.

Cabaran-cabaran yang kita hadapi dalam keadaan sekarang ini apabila ekonomi kita meningkat, terutama sekali di dalam Wilayah East Asia atau Asia Timur, kita dapati terlalu banyak rintangan yang dibuat oleh negara-negara maju kerana sesungguhnya agenda negara-negara maju ini tidak mahu negara-negara sebelah sekitar kawasan kita memasuki arena baru iaitu arena negara-negara maju.

Jadi, apabila kita meningkat dari segi ekonomi, apabila kita meningkat dari segi perdagangan, kita berdepan dengan berbagai-bagai isu yang sengaja dirintangkan dan yang sengaja dibuat oleh negara-negara maju. Di dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia, WTO misalnya, kita dapati negara-negara membangun berdepan dengan negara-negara maju di mana mereka seolah-olah memberikan kita arahan supaya negara kita kalau hendak berdagang dengan mereka dan mendapat keistimewaan, kita terpaksa melakukan berbagai-bagai dasar, terutama dari segi hak-hak kemanusiaan dari segi human rights, dengan izin, dari segi perundangan pertubuhan buruh dan sebagainya sehinggakan dalam mesyuarat baru-baru ini, kita dapat melihat bagaimana menteri-menteri kita sendiri berdiri teguh di atas isu perdagangan dengan tidak mencampuradukkan dengan isu-isu sosial.

Begitu juga apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendak menubuhkan EAEC iaitu East ASEAN Economic Caucus, kita dapati banyak negara maju yang cuba pula menggubal memberikan satu konsep baru dengan APEC semata-mata kerana kita ingin EAEC ini menentukan arah perjuangan negara-negara membangun di sekitar kawasan Asia Timur ini dapat dibuat secara bersendirian tanpa

tunjuk ajar daripada negara-negara luar sehinggakan ada yang menuduh bahawa EAEC itu sebenarnya ialah East Asia Excluding Caucasion iaitu Asia Timur tanpa Orang Putih, sampai begitu sekali, mohon izin.

Jadi, kita amat sedih dengan apa sahaja yang kita hendak buat, ada sahaja rintangan. Baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar, Hollywood akan menayangkan satu cerita berkenaan dengan bagaimana orang Islam mencerminkan orang Islam sebagai terrorist atau sebagai orang jahat - sebagai orang yang tebal dengan sentimen fundamentalisme yang kuat memberontak dan ini mungkin akan ditayangkan di seluruh dunia kerana apabila jatuhnya fahaman komunisme, Islam merupakan satu sasaran kepada negara-negara maju. Kita mengharapkan dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai menebus maruah dan martabat bangsa dan meningkatkan perjuangan Islam di peringkat antarabangsa, kita mengharapkan duta-duta kita sebagai benteng pertahanan dapat memainkan peranan yang lebih hebat dari segi menangkis segala dakyah dan tohmah, terutama sekali dari segi kita sebagai negara Islam menerima tohmahan-tohmahan bagaimana Islam itu sentiasa dikaitkan dengan penjahat-penjahat, walhal ianya memang berlainan sekali.

Kita inginkan kalau kita hendak meneruskan perjuangan untuk meningkatkan kemajuan, kedutaan kita di peringkat seluruh dunia ini sepatutnya dirombak kembali dari segi pemikiran kerana kita memerlukan pegawai-pegawai kita di peringkat kedutaan ini memainkan peranan yang lebih efektif untuk menembusi pasaran dunia untuk menangkis segala dakyah, baik dari segi Islam, untuk menangkis segala dakyah dari segi peperangan ekonomi yang mengatakan kita ini dengan adanya ISA misalnya tidak mempraktikkan dari segi hak-hak keistimewaan manusia.

Kita memerlukan pegawai-pegawai pendidikan kita di luar negara misalnya, bukan sahaja menjaga anak-anak kita di peringkat universiti, sekolah dan sebagainya, tetapi mencari peluang memasarkan pula institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia supaya mereka di England, di Australia dan di merata-rata tempat ini dapat pula mengunjungi negara kita untuk mencari ilmu pengetahuan.

Inilah rasa saya rombak yang perlu bagi menentukan peningkatan pemasaran kemudahan-kemudahan atau infrastruktur yang wujud dari segi pendidikan dan dari segi ekonomi di negara kita ini kepada mereka di luar negara. Barulah ianya memainkan peranan yang menyeluruh dan kalau perlu kita bawa mereka ini untuk mengubah pemikiran, saya rasa ini patut dibuat oleh kementerian yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan di sini, apabila kita mengkaji Rancangan Malaysia Ketujuh yang kita dapati ialah ketidaksamarataan. Sungguhpun secara menyeluruh pertumbuhan ekonomi meningkat, kita dapati KDNK negeri di dalam Rancangan Malaysia Keenam 1991 - 1995, negeri-negeri yang mempunyai pertumbuhan KDNK melebihi purata negara iaitu 8.7% kebanyakannya ialah negeri-negeri di Pantai Barat. Negeri Selangor, 10.9% yang tertinggi sekali; Johor 10%, Pulau Pinang, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan.

Dan negeri-negeri inilah juga yang menerima peruntukan yang paling banyak. Saya akan huraikan nanti. Negeri-negeri inilah juga yang mendapat faedah daripada penswastan kerana secara automatik, apa sahaja infrastruktur yang hendak diswastakan ianya berpaut dan berpaksi kepada keuntungan dan negeri-negeri ini, dengan wujudnya jumlah penduduk, dengan wujudnya kemudahan-kemudahan yang lain, tentu sekali, Lebuhraya Utara-Selatan akan mendapat perhatian pihak swasta kerana tol yang diterima tentunya lebih menguntungkan.

Sebab itu kita tidak ada lagi setakat ini, di Pantai Timur misalnya, di Sabah dan Sarawak misalnya, di mana lebuhraya diswastakan kerana mungkin kutipan tidak mencukupi. Di negeri-negeri yang mempunyai pertumbuhan KDNK pada 1991-1995 iaitu Rancangan Malaysia Keenam yang kurang daripada purata negara iaitu 8.7% ialah Terengganu 8%; Perlis sungguhpun di sebelah barat tetapi kecil, 7.7%; Pahang

7.5%; Perak kerana saya rasa bijih sudah tidak ada, mungkin kerana pertukaran struktur ekonomi di negeri Perak 7.5%; Sarawak 6%; Kelantan 6.2%; Sabah 5%.

Jadi, negeri-negeri ini apabila kita kaji semula dari segi peruntukan yang diberi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh masih ketinggalan kerana kita dapati peruntukan yang diberi sebanyak RM67.5 bilion dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kita dapati yang paling banyak dan saya juga kaitkan peruntukan ini dengan penduduk, jadi kita dapati di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh peruntukannya dibahagikan dengan penduduk, kita dapat tahu bahawasanya Selangor menerima 64% daripada peruntukan RM67.5 bilion ini dan dari segi per kapita, maknanya peruntukan itu dibahagikan dengan penduduk; kita dapati Selangor, Wilayah Persekutuan dan yang paling teruk sekali saya tengok di sini ialah Kelantan. Kelantan hanya menerima RM1.3 bilion dengan penduduk 1.38 juta orang. Sungguhpun Kelantan telah mencapai dari segi pencapaian Rancangan Malaysia Keenamnya 99% tetapi ianya hanya mendapat 2.7% sahaja dari segi peruntukan dibandingkan dengan peruntukan yang diberikan kepada Selangor 6.4%, Wilayah Persekutuan 8.5%. Begitu juga dengan Johor 5.3% dan kita tengok pula dari segi Kelantan 2.7%, Pahang hanya mendapat 4.6%, Terengganu 3.8% dan saya berterima kasihlah Tuan Yang di-Pertua kerana Sarawak 6.7%, Sabah 6.7% - banyak.

Walau bagaimanapun, kalau kita tinjau mengikut KDNK per kapita di tahun 1995 di mana purata negara berjumlah RM5,815 dan tahun 2000, RM7,593 - kita dapati apa yang berlaku di Kelantan yang pada tahun 1995 hanya menikmati RM1,988 - hanya meningkat kepada RM2,411 pada tahun 2000 dan ini kalau kita ambil nisbah KDNK per kapita pula kepada purata negara, 1990 sepuluh buah negeri adalah di bawah nisbah KDNK per kapita negara dan yang paling teruk Kelantan hanya mencapai nisbah KDNK per kapita kepada purata negara 0.39%, Pahang 0.82% - dua negeri ini yang paling teruk. Tetapi dalam tahun 2000, unjuran yang diberi - Kelantan menurun daripada 0.39% kepada 0.32% dan Pahang turut menurun daripada 0.82% kepada 0.80%. Tiga buah negeri yang melebihi ialah Johor dan Melaka 0.92% naik kepada 1.03%, Melaka 0.84% naik kepada 1.04%.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berdepan dengan padang permainan yang tidak sama rata, kalau kita berdepan dengan izin, unlevel playing field, playing yang tidak level, macam mana negeri-negeri di Pantai Timur hendak meloncat ke tahap yang lebih tinggi dari segi pembangunan dan di negeri Pantai Timurlah kebanyakannya di Pahang, Terengganu dan juga Kelantan terletak ramai penduduk bumiputera? Adakah Rancangan Malaysia Ketujuh mengabaikan dari segi keperluan penduduk-penduduk bumiputera? Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali mengatakan 99% bumiputera di sana. 99% bumiputera itu kalau mengikut dari segi imbuhan ataupun peruntukan yang diberi oleh Rancangan Malaysia Ketujuh ini tidak memadai.

Jadi, saya menyeru kepada pihak kerajaan apabila sampai masanya, untuk kita memberikan kajian semula kepada Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kita buatlah pemikiran yang luar biasa sedikit, yang berbeza sedikit daripada pemikiran orang-orang dulu. Semasa kita dijajah kita dapati jalan kereta api yang mula dibuat ialah di pantai barat - Port Swettenham, Port Weld dan sebagainya dan kereta api yang hendak pergi ke Pantai Timur terpaksa pergi ke Gemas terus sampai ke Kota Bharu. Hendak pergi ke Kota Bharu dari Kuala Lumpur, kalau naik kereta api ianya mungkin akan mengambil masa 24 jam.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh apabila kita mengkaji semula Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kita cuba perhebatkan lagi peruntukan kepada negeri-negeri di Pantai Timur. Dan kita mempunyai Majlis Kewangan Negara, kita mempunyai Majlis Tanah Negara. Ini merupakan forum bagi Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar bagi membincangkan bagaimana cara hendak menyamaratakan peruntukan ke seluruh negara dengan mengambil kira tahap pencapaian yang ada setakat ini. Kalau sekiranya kita tengok tadi di negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan negeri-negeri lain jauh ke belakang dari segi pembangunan ekonominya patut

dilipat gandakan dari segi perutukan supaya sampai ke satu tahap di mana negeri-negeri ini dapat bersaing dan ianya pula mempunyai dengan izin, multiply effect. Kalau negeri-negeri di Pantai Timur tidak mendapat infrastruktur yang sesuai, tentu sahaja ia tidak mempunyai tarikan.

Apa yang disebut oleh seorang Professor dari Harvard, saya hendak menyebutkan ini kerana ianya mempunyai satu natijah yang baik iaitu Professor Rosbert Morse Canter dalam bukunya "*World Class Professor of Business Admin*" - Harvard Business School. Dia ini banyak menulis buku tentang perubahan-perubahan. Dia mengatakan sesuatu tempat kalau hendak membangun mempunyai magnet dan glue, dengan izin. Besi berani dan juga gam. Besi berani ini tarikan, tarikan ialah infrastruktur. Gam - hendak menggamkan, hendak menentukan supaya baik orang dari Amerika, orang Kuala Lumpur dapat duduk di tempat itu dan mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sama dengan kemudahan-kemudahan asas yang mereka pernah nikmati. Kalau sekiranya mereka pernah bermain golf, padang golf dan sebagainya, tempat yang ia hendak pergi pun ada juga. Tidak ada perbezaan dari segi sistem kesosialannya, dari segi nilai hidupnya tidak berubah.

Jadi, kalau sekiranya negeri-negeri di Pantai Timur tidak mempunyai kemudahan-kemudahan semacam ini, tidak ada magnetnya, tidak ada gamnya, tentu sahaja ianya tidak dapat tarik-menarik pelabur-pelabur seperti Selangor, seperti Lembah Kelang, seperti Pulau Pinang, seperti Johor. Selepas itu kita pening kepala. Kenapa pula kemudahan-kemudahan dari segi perumahan amat kurang dan teruk di Selangor? Kerana kita telah membuat tarikan yang begitu hebat. Walhal perkara yang semacam ini dapat kita sama ratakan. Kalau kita tahu masalah-masalah sosial, perumahan timbul di Kuala Lumpur, di Lembah Kelang kerana ianya merupakan tarikan kepada pekerja-pekerja daripada Pantai Timur, pekerja-pekerja dari kampung, pekerja-pekerja Bangladesh, Indonesia, Filipina - semua menyerbu ke tempat-tempat ini kerana ianya mempunyai tarikan. Selepas itu kita memikirkan pula masalah-masalah ini timbul, kita pun panggil KWSP untuk buat rumah kos rendah lebih banyak, bila buat banyak ianya tentu hendak menampung keperluan di Lembah Kelang, keperluan di Johor, keperluan di sana dan di sini.

Kerana ketidaksamarataan itu, ianya menyebabkan berterusan. Ia merupakan cumulative, bertindih-tindih dari segi kebelakangannya negeri-negeri yang lain ini kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang mendapat kemudahan asas.

Baru-baru ini saya terbaca di dalam surat khabar, negeri Kelantan dan negeri Terengganu hendak membuat perundingan untuk mengambil alih konsortium membuat jalan dari Karak ke Kuala Terengganu, Yang Berhormat Menteri pun bangun, dia kata "Kabinet tidak bersetuju kerana Kabinet sudah beri kepada konsortium yang lain yang sekarang sedang membuat jalan antara Kuala Lumpur ke Karak dan konsortium itu hendak buat sampai ke Kuantan dan Kuala Terengganu." Dan sekarang ini ianya terlewat.

Kenapa kita tidak mempunyai satu keutamaan (priority) memprioritisekan keperluan kemudahan-kemudahan asas di Pantai Timur, dengan tidak melewat-lewatkannya? Kerana kita tahu benar, kalau kita tidak buat demikian, kalau pihak kerajaan tidak berbuat demikian, pihak swasta amat susah hendak berpindah ke sana, disebabkan keuntungannya tidak ada dan penswastaaan amat baik. Tetapi bila sesuatu tempat menerima projek-projek yang diswastakan menerusi 'penswastaaan', kerajaan negeri itu juga patut memberi projek-projek yang dibiayai sendiri oleh kerajaan kerana tidak menarik 'penswastaaan' di tempat-tempat yang lain.

Jadi, saya cadangkanlah perkara semacam ini diambil kira di dalam Majlis Tanah Negara supaya bincangkan formula baru bagaimana hendak menyamaratakan dari segi pembangunan antara yang telah maju dengan yang sedang hendak membangun maju. Di situ juga wujudkan formula kalau sekiranya Pahang misalnya, bukan oleh kerana saya datang dari Pahang, tetapi kerana saya nampak kawasan yang begitu luas. Kalau hendak pergi daripada Kuantan ke Cameron Highlands yang terletak di negeri Pahang bukan di negeri Perak, kita terpaksa berjalan menembusi 3

wilayah. Kita menembusi negeri Selangor, menembusi Wilayah Persekutuan sampai ke Perak, kemudian baru sampai ke Pahang dan ianya mengambil masa selama 5 jam. Kalau saya naik kapal terbang selama 5 jam, daripada sini saya sudah sampai ke Perth, saya sudah sampai ke Taiwan, tetapi ini di negeri Pahang.

Soalnya sekarang perhubungan antara Kuala Lipis, antara Cameron Highlands ke Kuantan, ke Kuala Terengganu, daripada Kuantan, Kota Bharu, Terengganu, sampai ke Johor Bahru, ke Singapura jalannya bergelombang, seperti bergelombangnya ombak di Lautan Cina? Kerana apa? Kerana ianya terlalu lama dibuat sebegitu rupa dan tidak diperbaiki sehingga ke hari ini. Jadi, formula yang sepatutnya dibincangkan ialah berasaskan juga kepada keluasan kawasan sebagai satu petunjuk, satu indeks yang boleh kita berikan satu weightage, dengan izin, dalam kita mengira peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sekarang ini cuaca sudah berubah, di Cameron Highlands hawanya tidak dingin lagi kerana terlalu banyak pembangunan yang tinggi. Saya diberi tahu perkara ini, jadi saya harap kementerian boleh periksa, boleh check dari segi saintifiknya atau tidak. Saya difahamkan suhu di Cameron Highlands sudah pun meningkat panas 1 darjah atau 2 darjah kalau hendak dibandingkan dalam masa 20 tahun-30 tahun selama ini.

Saya difahamkan juga di Kuala Lumpur, kerana banyaknya bangunan-bangunan tinggi yang mengeluarkan asap-asap air-condition atau wap-wapnya, banyaknya kereta lalu-lalang yang begitu mendadak, mengeluarkan pula asap-asap, jadi suhu di Kuala Lumpur pun sudah meningkat. Oleh itu, dalam keadaan kita membangun dengan begitu cepat dan rapi, saya mohon pihak kerajaan memberikan penumpuan kepada aspek alam sekitar ini supaya kita tidak terjelumus dalam keadaan yang akan memudaratkan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri kerana memberikan jawapan iaitu apabila kita berpindah ke Putrajaya, saya diberi tahu di Dewan ini atas soalan yang saya bawa iaitu 2.13 juta kaki persegi ruang pejabat akan dikosongkan dan 261 hektar atau 646 ekar tapak bangunan pun akan ditinggalkan. Dahulu saya minta ianya diswastakan. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk diswastakan? Tetapi memandangkan keperluan penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan kepada jantung hijau (green lung), dengan izin, saya rasa tidak payahlah kita swastakan. Kita tinggalkanlah bangunan-bangunan kosong ini, kita tinggalkanlah tanah-tanah kosong ini, tapak-tapak bangunan ini kita jadikanlah pula jantung hijau yang baru, kerana jantung hijau dahulu sudah diambil oleh Menara Kembar (Twin Towers), dahulu berapa ekar, saya ingat hampir 100 ekar yang terletak di race-course dahulu.

Sekarang ini kita mencadangkan kepada pihak kerajaan tinggalkanlah ruang pejabat ini, tapak ruang bangunan ini, kita sedekahkan kepada generasi yang akan datang supaya ianya menjadi 'the green lung of Kuala Lumpur'.

Kita tidak dapat bayangkan bagaimana orang-orang di England atau di London membangunkan Hyde Park misalnya dengan bangunan-bangunan tinggi. Saya tidak nampak bagaimana orang-orang di New York akan membiarkan Central Park di New York untuk dibangunkan dengan bangunan yang tinggi, akan memberontak penduduk-penduduk di sana. Yang kita ada sekarang ini di Kuala Lumpur ialah Tasek Perdana, Tasek Titiwangsa dan di sini sedikit, di situ sedikit - tidak banyak lagi yang tinggal.

Kita dengar pula dalam keadaan yang kurang kawasan-kawasan hijau ini, kita dengar sungai pun hendak dijadikan tapak bangunan - sungai yang ada sekarang ini mempunyai sedikit sahaja lorong, dengan tanah tebing di kiri kanan hendak dibuatkan linear development. Apakah kita kekurangan tanah di negara kita ini atau kita hendak terus tumpu di Wilayah Persekutuan dan setiap inci hendak dibangunkan?

Saya hendak mencadangkan kepada Dewan Negara ini, fikir halus-halus, sungguhpun kita mendapat keuntungan daripada pembangunan ini, dari segi wang

ringgit, tetapi ianya akan memadatkan. Cuba kita bayangkan Sungai Klang sekarang ini kenapa hendak dibangunkan? Sungai Gombak. kalau kita bangunkan bangunan di sekitar kawasan tepi sungai sekarang ini kosong dan kadangkala ia bersih juga nampaknya jernih, kadang-kadang dia kotor. Tetapi setelah dibuat berbagai-bagai cara, saya ingat insya-Allah ianya akan jernih, sama ada kita hendak tutup atau kita hendak bangunkan di tepi-tepi sungai? Ini tentunya mengongkang lagi keadaan mental kita dengan hutan belantara konkrit batu-bata.

Saya hendak syorkan di Dewan yang mulia ini, selain dari segi meninggalkan kawasan-kawasan yang hendak dikosongkan apabila pejabat kerajaan berpindah ke Putrajaya, jangan kita fikirkan keuntungan wang ringgit, tetapi kita hendaklah memikirkan keuntungan dari segi keselesaan hidup, dengan izin, the quality of life, untuk generasi yang akan datang, kerana kita mungkin tidak sempat lagi, sebab perkara-perkara ini mengambil masa yang lama.

Yang linear development, saya hendak mohon menerusi Dewan ini supaya kita memikirkan 100 kali sebelum kita memberikan kepada mana-mana pihak swasta untuk membangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana memberikan penekanan yang amat kuat terhadap pembangunan wilayah (regionalism), dengan izin. Kerana di sinilah letaknya kekuatan kita pada masa akan datang, EAEC tidak masuk campur caucusion ini tadi.

Saya amat setuju EAEC yang bererti 'East Asean Excluding Caucusion', sebab kita memerlukan tidak payah Australia, tidak payah Amerika. Kita sama kita sudah kuat dan ada bukti untuk menunjukkan kekuatan kita.

Di dalam tahun 1991-1995 pelaburan asing di dalam projek yang diluluskan oleh kerajaan 54% punca kewangan untuk hendak membangunkan industri negara kita adalah daripada negara-negara seperti Singapura, Indonesia, Hong Kong, Taiwan, Korea dan Jepun - 54% iaitu RM33.3 bilion. Kita tidak bergantung lagi kepada Eropah seperti yang kita bergantung kepada England atau kepada Britain dahulu, tidak lagi bergantung kepada Amerika, kerana di sini kita lihat RM33.3 bilion atau 54% adalah daripada negara-negara yang tidak ditadbirkan oleh Orang Putih, yang warnanya seakan-akan kita, yang mempunyai nilai-nilai budaya yang seakan-akan sama - nilai budaya ketimuran, orang kita dan kita tengok di sini juga Amerika hanya menyumbang 16%, United Kingdom RM2.19 bilion, German, Perancis, Australia, mereka ini hanya menyumbang selain dari Amerika tadi 12.8% sahaja.

Jadi, kekuatan kita antara kita di dalam kelompok Asia Timur ini sudah menjamin masa depan untuk meneruskan. Dan dari segi arah haluan perdagangan, kita dapati 1990-1995 jumlah perdagangan - bila kita sebut perdagangan, ini termasuk eksport dan import, kita dapati di dalam negara-negara yang terkumpul di dalam EAEC, 62% kita berdagang antara kita sesama kita. Dalam tahun 1990 ke 1995 berjumlah RM203 bilion, 62%. Dengan Kesatuan Eropah hanya 17%, dan dengan Amerika Syarikat hanya 21%. Di sini juga perdagangan, infra-trading dan inter-trading dalam ASEAN, dalam EAEC sudah menentukan bahawasanya sudah kita capai pada tahap yang lebih daripada 50%, iaitu 62%.

Jadi, kekuatan kita, pembangunan ekonomi kita berpaksi kepada wilayah kita sendiri, rantau kita sendiri. Sebab itulah saranan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir untuk menentukan EAEC dapat ditonjolkan sebagai satu lagi badan, seperti juga European Union (EU) dan juga NAFTA merupakan satu badan yang seataraf dengan badan-badan yang diwujudkan di Eropah dan di Amerika, tak memerlukan Australia, tak memerlukan Amerika. Kita berpuas dengan EAEC. Jadi, konsep pembangunan berasaskan regionalisme merupakan satu kekuatan untuk kita sesama kita meneruskan pembangunan yang mencapai pada tahap yang dapat dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merayu di dalam Dewan yang mulia ini supaya apabila kita memikirkan dari segi peningkatan kemahiran pekerja-pekerja bagi

menentukan supaya negara kita ini tidak terjebak seperti yang saya sebutkan tadi, dalam satu soalan tadi, terjebak di dalam 'low way strap' dengan izin, terjebak di dalam keadaan ekonomi yang mempunyai tenaga murah. Kita mesti mempunyai perancangan menentukan sampai bila kita hendak bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Singapura membuat tindakan pada satu ketika memberhentikan tenaga murah daripada mencurahkan ke sana, mempunyai anjakan pradigme bagi menentukan struktur pembangunan ekonomi yang berbeza.

Saya nampak kerajaan amat serius untuk menuju ke arah itu. Tetapi yang perlu kita hendak tahu adakah pihak kerajaan telah menentukan bilakah penggantungan kita kepada tenaga murah ini daripada negara-negara jiran dapat terus diberhentikan kerana kita mempunyai kapasiti membangunkan industri-industri yang kapital intensif yang tidak bergantung kepada tenaga murah. Kerana kita mempunyai kapasiti untuk meningkatkan kemahiran bagi menentukan 'total factor productivity' (TFP), dengan izin, yang tinggi. Kita tahu produktiviti kita meningkat 6%. Kita tahu pendekatan kita yang akan datang ialah industri yang didorong oleh produktiviti. Tetapi persoalannya, apakah 'scale'nya, apakah 'time frame'nya, apakah waktu jangka masanya di mana peralihan ini berlaku. Ianya terpaksa dibuat dengan secepat mungkin.

Kita ucapkan tahniah kerana sudah wujud dua Jawatankuasa Kabinet sematamata untuk mengkaji semula keadaan yang kita berdepan sekarang ini. Kerana ini masalah besar. Kalau sekiranya kita tidak dapat mengongkong keadaan yang ada sekarang ini, kita takut ianya akan menjejaskan kekuatan ekonomi kita, di mana kita hanya berpaksi kepada industri-industri yang memerlukan tenaga murah, dan ianya tidak merupakan satu pendekatan yang kompetitif. Kita tidak mempunyai, dengan izin, 'competitive age' di dalam kita berdepan dengan pasaran global yang kita hadapi sekarang.

Jadi, saya mengharapkan tahap kemahiran sumber manusia dapat terus dipertingkatkan dengan jadual waktu yang dapat memastikan sampai masanya kita tidak lagi bergantung lagi kepada tenaga murah yang diimport daripada negara-negara jiran kita. Insya-Allah, kalau pendekatan ini berhasil, saya yakin dan percaya, pembangunan ekonomi kita bila sampai kepada tahun 2020 tentunya akan masuk dalam lingkungan negara maju, seperti apa yang dikatakan oleh seorang profesor daripada England sendiri mengakui negara kita ini akan menjadi (kita berdoa) lebih maju daripada negara yang pernah menjajah kita dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyentuh dari segi mengkomersilkan penyelidikan dan pembangunan (P&P), research and development. Saya amat yakin dengan peruntukan sejumlah RM1.2 bilion yang kerajaan akan peruntukan kepada P&P ini ianya akan dapat melahirkan saintis-saintis, engineer-engineer dan juga cendekiawan-cendekiawan, pemikir-pemikir sosial, bukan sahaja bergantung kepada teknikal, bukan sahaja bergantung kepada teknologi, tetapi pemikir-pemikir sosial yang sambil kita membangun dari segi ekonomi, turut mengkaji impaknya kepada anak-anak muda kita, turut mengkaji impaknya kepada kawasan-kawasan desa, turut mengkaji psikologi, profile anak muda kita. Kalau ini dapat dibuat seimbang, selari, saya yakin dan percaya, P&P yang ditaja oleh pihak kerajaan ini mendapat senarai yang cukup lengkap daripada setiap institusi pengajian tinggi, pusat-pusat penyelidikan, seperti FRIM, SIRIM, dan kalau ini dibuat, tanpa berlapis dan bertindih, insya-Allah, hasil daripada situ dapat memberikan kerangka, dapat memberikan satu tapak dan landasan untuk kita meletakkan dasar-dasar pembangunan yang lebih efektif.

Saya tidak tahu sekarang adakah satu prosedur bagi setiap universiti memberikan senarai kepada satu-satu badan untuk merebut punca kewangan research and development ini, ataupun pakai buat sahaja. Dia nak buat study dari segi ini, dia beritahu, lepas itu universiti lain pun buat serupa sahaja, tetapi sentuh angle lain sedikit, dan ini tidak mendatangkan satu 'bottom line' dengan izin, satu keuntungan dari segi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyarankan satu badan khas mengkaji semula semua permohonan untuk penyelidikan dan pembangunan, research and development disalurkan kepada satu pusat dan dikaji supaya tidak ada tindih-menindih, penindihan, dan yang merugikan peruntukan yang berjumlah RM1.2 bilion itu.

Tuan Yang di-Pertua, sampai di sini sekali lagi saya memberikan sokongan kepada Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan Negara dalam membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000 yang begitu komprehensif, dan saya berdoa semoga generasi sekarang dan akan datang akan menerimanya dengan baik, dengan mengambil kira kesamarataan antara negeri dan negeri, antara wilayah dan wilayah, semoga kita menikmati sesama sendiri apakah itu pembangunan. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan Haji Isli bin Haji Siput.

4.50 ptg.

Tuan Isli bin Haji Siput: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas sambil menyokong Usul Ucapan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan Rakyat pada 6hb. Mei, 1996 yang juga dibentangkan di Dewan Negara ini pada 28hb. Mei, oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau di Dewan Rakyat bersabit dengan Rancangan Malaysia Ketujuh sudah meliputi semua aspek. Yang ditekankan pertama sekali ialah pembangunan ekonomi, menyokong bagi meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional, melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh. Demikian antara tajuk dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri dengan mengutamakan agar semua rakyat Malaysia bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan agar negara tidak berkepingcangan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan kesyukuran saya dan sangat-sangat kagum atas kebolehan dan kemampuan Yang Amat Berhormat menyempurnakan dalam semua bidang dan aspek. Memang sudah tepat Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) yang bermula pada tahun 1971 hingga 1990 bertujuan untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan - apakah sudah tercapai?

Walau bagaimanapun, terdapat rakyat yang merasa dan patut bersyukur dan berterima kasih ke atas pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Saya yakin di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri, selaku Perdana Menteri akan membawa kejayaan yang lebih cemerlang lagi di masa-masa yang akan datang. Dalam menghadapi era cabaran ke arah Rancangan Malaysia Ketujuh ini, negara telah pun merancang ke arah penjimatan penggunaan buruh dalam pengeluaran industri yang baru, sistem automatik dan robotik akan diperkenalkan supaya negara kita akan menjadi pengeksport yang lebih besar. Maka dari segi memberi ilmu dan mencari pengalaman yang praktikal perlu kita pertingkatkan bagi menyahut cabaran yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas usahanya menubuhkan Lembaga Akademik Negara (LAN). Sudah sampai masanya lembaga sedemikian diwujudkan memandangkan bahawa pada masa ini tumbuhnya institusi pendidikan swasta amat

pesat sekali dengan tawaran-tawaran istimewa dan juga program-program kembar di luar negara. Memandangkan bahawa ko-kurikulum dan program yang ditawarkan kelak harus menitikberatkan keperluan negara selaras dengan dasar kementerian sendiri dan juga untuk memastikan bahawa tiada mana-mana institusi yang cuba mencari jalan pintas dalam memberikan ilmu yang mantap, bukan semata-mata mementingkan satu aspek keuntungan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama juga kementerian haruslah mengkaji cadangan untuk mendirikan sebuah universiti yang berasaskan vokasional untuk melahirkan tenaga mahir dalam bidang teknikal selaras dengan dasar kerajaan untuk melahirkan para graduan yang berteknologi tinggi ke arah pembangunan institusi industri yang baru yang memerlukan kelulusan dalam bidang vokasional dalam menuju ke arah Wawasan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama saya difahamkan bahawa sekolah berasrama penuh di Labuan masih kekurangan alat-alat keperluan makmal sains dan berharap agar pihak kementerian dapat mengambil tindakan segera mengatasinya memandangkan amat perlu kelengkapan ini terhadap para pelajar sains, kerana jika dilihat tahap pencapaian keputusan PMR dan SPM di sekolah ini jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sekolah berasrama penuh yang lain. Adalah juga dicadangkan agar sekolah-sekolah swasta ataupun kolej patut ditubuhkan di Labuan kerana Labuan akan menjadi tumpuan rakyat asing apabila operasi Pusat Kewangan Pesisir berjalan sepenuhnya. Saya juga masih belum lupa bahawa pernah satu kajian untuk menubuhkan universiti kembar ataupun twinning system, dengan izin, dengan universiti-universiti di luar negara itu dicadangkan di Labuan dan saya harap dengan kebijaksanaan kerajaan, dapat kiranya cadangan ini dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kesempatan ini saya ingin menyentuh Kementerian Pengangkutan pula dan mencadangkan agar satu pelabuhan baru dapat dibina secepat mungkin memandangkan pelabuhan yang sedia ada kini terlalu dekat dengan bandar dan kerap kali terdapat lori-lori yang mengangkut barang terpaksa pula berpusing melalui jalan dalam bandar yang sempit dan mengakibatkan traffic jammed, dengan izin. Saya percaya sudah sampai masanya untuk pelabuhan kontena juga diwujudkan di Labuan. Saya juga mencadangkan agar konsep Hauledge diwujudkan di Sabah dan juga di Labuan seperti di Semenanjung. Memandangkan ramainya para pengguna jalan laut yang menuju ke Labuan daripada Tanah Besar, Sabah dan Brunei, terminal feri sekarang sudah tidak dapat menampung lagi pendaratan para penumpang. Oleh yang demikian pihak kementerian hendaklah memastikan bahawa satu terminal baru yang moden hendaklah dibina. Ini juga hendaklah diambil kira landing point di Sabah iaitu di Manumbok.

Saya juga ingin mencadangkan agar kementerian dapat memberikan sedikit insentif kepada pengguna kenderaan persendirian mendapat pengurangan bayaran cukai jalan memandangkan ruang jalan yang terhad jika dibandingkan dengan para pengguna di Samak, iaitu di luar Labuan, walaupun kadar bayaran cukai tetap sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan insentif ini, akan memberikan erti yang lebih bermakna terhadap status Labuan sebagai pelabuhan bebas dan bertaraf IOFC. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kebelakangan ini terdengar rungutan orang ramai yang merasakan bahawa mereka tidak menikmati hasil dalam erti kata yang sebenarnya "duty free port", kerana barang-barang di Labuan pada masa kini tidak lagi boleh dianggap murah. Saya difahamkan ada banyak faktor yang menyebabkan kenapa akibat ini, oleh yang demikian saya ingin pula memohon agar kementerian dapat membantu dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat telah menerima baik keputusan kerajaan mengurangkan dan menghapuskan cukai import sebahagian besar luar negara, namun ini secara tidak langsung akan memberikan saingan terhadap peniaga di Labuan. Tambah pula para pengunjung yang datang ke Labuan mesti membuktikan mereka tinggal lebih 72 jam untuk mendapat pelepasan cukai terhadap barang ini melebihi RM500.00.

Pada masa ini adalah diperhatikan bahawa peraturan ini tidak begitu praktikal kerana Labuan belum lagi dapat memikat hati pengunjung untuk tinggal lebih lama di Labuan. Oleh yang demikian, untuk mengelakkan semua kegiatan ini dan minat membeli-belah di Labuan, maka pihak kementerian hendaklah memberi kelonggaran dalam peraturan ini kepada 24 jam sahaja. Saya percaya pihak kementerian amat prihatin dalam perkara ini dan akan turut mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh kepada Kementerian Sumber Manusia yang mana pada masa ini telah dapat memainkan peranan yang cukup baik. Namun adalah diharapkan dalam terus mengekalkan prestasi terutama dalam menghadapi Rancangan Malaysia Ketujuh ini selaras dengan kehendak negara dalam menyediakan keperluan latihan guna tenaga mahir adalah diharapkan pihak kementerian dapat mengendalikan program ini memandangkan bahawa satu tabung pembangunan sumber manusia yang telah diluluskan serta dipertanggungjawabkan kepada kementerian ini tidak terus dibekukan dan terbiar di dalam bank-bank cuma sekadar memperolehi faedah bank sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah banyak membantu terutama dalam urusan pembinaan rumah kepada rakyat yang merupakan serta mempercepatkan segala peraturan yang berkaitan, namun dalam masa yang sama masih terus menjamin bahawa aspek terutama keselamatan, keselesaan tetap di tahap yang tinggi.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan. Pemaju yang sedang dalam proses penggugungan bankrap ataupun yang meninggalkan projek mereka tidak seharusnya dipertimbangkan untuk memohon mahupun memulakan usaha yang sama di masa hadapan. Kementerian harus bertindak secara automatik mengharamkan pemaju sedemikian walaupun selepas mereka mendapat kebebasan dari mereka. Pemaju-pemaju yang dengan sengaja melewati-lewatkan penyiapan mengikut jadual yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah serta mereka yang tidak mengambil langkah-langkah untuk membaik pulih apa-apa kerosakan dalam membina rumah-rumah yang mutunya rendah hendaklah juga diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini amat perlu untuk membendung dan mencari jalan agar masalah rumah-rumah ter bengkalai dapat diatasi. Kawalan dan garis panduan yang lebih ketat harus dilaksanakan terhadap mana-mana pemaju baru untuk mengeluarkan lesen pemaju. Pemaju-pemaju yang sudah melibatkan diri dalam projek perumahan yang lalu haruslah membuktikan keupayaan dan kejayaan mereka untuk dikaji dan diberi penilaian. Ini adalah amat perlu kerana institusi kewangan dan para pembelilah yang akan menerima akibat jika sesuatu projek itu ter bengkalai.

Alangkah sedihnya terhadap mana-mana pembeli yang terpaksa juga membayar hutang rumah kepada bank walaupun mereka tidak berkesempatan menduduki rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan patut kementerian mengkaji semula Akta Kawalan Perumahan dan Pelesenan untuk para pemaju agar para pemaju perumahan yang benar-benar sah dan jujur sahaja boleh dipertimbangkan lesen dengan menaikkan modal berbayar mereka kepada sekurang-kurangnya 25% nilai harga tanah ataupun RM500,000 yang mana terdahulu. Kawalan mutu sesuatu projek perumahan harus lebih ditingkatkan lagi dan jika perlu mereka dicadangkan mana-mana pindaan terhadap akta tersebut haruslah dilakukan.

Satu insiden, Highland Towers beberapa tahun yang lalu seharusnya menjadi satu pengajaran dan pelajaran kepada kita dan semoga kementerian akan mengambil langkah positif untuk memastikan bahawa semua plan and design, dengan izin, dalam apa jua bentuk pembangunan mengikut standard yang diluluskan. Kementerian harus mengambil tindakan yang tegas dengan mendakwa mereka ke mahkamah terhadap

mana-mana pemaju ataupun profesional lain yang terlibat melanggar peraturan keselamatan sehingga boleh memudaratkan kepada para penghuni kelak.

Tuan Yang di-Pertua, masa untuk maintenance period, dengan izin, selama enam bulan ini juga haruslah dipertimbangkan untuk ditambah kepada tiga tahun, memandangkan jangka masa enam bulan adalah terlalu pendek untuk memastikan bahawa tiada apa-apa kerosakan terhadap rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kementerian ini juga telah dapat menunjukkan prestasi yang amat tinggi walaupun belum lama tertubuh namun kejayaannya sudah agak dapat dirasakan terutama sekali dalam perkara kawalan harga tanah, harga barang makanan walaupun harga ayam masih lagi nampaknya tidak menentu, ia boleh dikatakan stabil.

Walau bagaimanapun, kementerian masih patut dan harus mencari jalan yang lebih positif dalam menangani masalah peranan dan hak pengguna. Saya rasa peranan kementerian dalam menyedarkan tanggungjawab dan hak pengguna ini dalam erti kata yang sebenarnya, masih belum sampai ke satu tahap yang diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin ramai pengguna yang masih belum mengetahui apa dia hak mereka kerana walaupun mereka telah mewujudkan pejabat-pejabatnya di setiap negeri, masalah pengguna yang menyedari perkara ini amat kurang sekali. Saya percaya matlamat kementerian untuk menuju inflasi sifar juga susah hendak berjaya kerana maksud tersebut telah disalahtafsirkan dengan berbelanja lebih banyak kerana kononnya pada minggu tersebut sahajalah barang-barang yang dijual murah.

Bahagian penguatkuasa juga harus kerap membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan kepada perkara seperti penggunaan bahan kimia yang berlebihan dan tarikh luput, walaupun kemungkinan ianya bidang kuasa kementerian yang lain.

Saya dapati selalunya sesuatu jabatan itu akan cuba berselindung, macam tanggungjawab diserahkan kepada orang lain apabila dilaporkan mengenai sesuatu masalah pengguna. Walaupun ianya mungkin benar, tetapi apalah salahnya mereka saling bantu membantu dan bukan pula memulangkan semula kepada pengguna dengan alasan ini bukan kuasa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini dari terus berlaku mungkin suatu peraturan atau kerjasama di antara kementerian yang ada kaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan sebagainya boleh bergabung untuk membanteras sekaligus masalah serupa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos agar satu kajian dibuat terhadap kesan arus elektrik kepada penghuni rumah dan di mana-mana tempat yang didirikan tiang-tiang elektrik berkuasa tinggi, dengan izin, high tension cabel, yang nampaknya semakin banyak. Oleh kerana kesan ini kerap ditegur oleh para pencinta alam sekitar dan kesan-kesan negatifnya kepada manusia di mana ada juga pendapat yang mengatakan bahawa kesan daripada punca tersebut dalam jangka panjang boleh mengakibatkan penyakit cancer, dengan izin.

Oleh yang demikian, sudah amat wajarlah kementerian mengarahkan satu badan untuk menyiasat dan mengkaji sama ada semua peraturan keselamatan dan peraturan telah diperolehi oleh Lembaga Elektrik Negara (LLN) semasa membina tiang-tiang berkuasa tinggi dan sekaligus kesan kesihatan terhadap manusia agar perasaan konfiden rakyat dapat dipulihkan. Saya juga mengharapkan dalam masa yang sama agar syarikat-syarikat komunikasi memastikan bahawa semua menara telekomunikasi mereka dapat didirikan walaupun dipasang di tempat yang telah diluluskan oleh majlis-majlis perbandaran yang saya harap tidak sahaja akan meluluskan semata-mata kerana tempat tersebut mempunyai kedudukan strategik tetapi

juga hendaklah mengambil kira kesan-kesan terhadap keselamatan dan kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah meluluskan permintaan syarikat Telekom untuk mengadakan kadar sewa dan tarif baru caj penggunaan telefon. Walaupun pada pandangan kasar, nampak seolah-olah para pengguna akan menerima faedah, namun kepada sesetengah pengguna ianya mungkin terpaksa membayar lebih. Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan bahawa syarikat-syarikat telekomunikasi, saya kira patutlah juga pada masa ini dikaji kadar sewa telefon mereka yang pada masa ini dianggap agak tinggi iaitu sebanyak RM60 sebulan selain dari mengenakan caj biasa pada pengguna memandangkan bahawa penggunaan telefon pada masa ini telah begitu meluas dan penggunaannya sudah merupakan satu keperluan, maka adalah amat wajar kadar sewa tersebut diturunkan kepada RM30 sebulan.

Saya yakin pihak syarikat tidak akan rugi kerana apabila kadar sewa diturunkan, maka sudah tentu lebih ramai lagi pelanggan mereka dan pihak syarikat boleh mendapat bayaran lebih jika ramai yang bercakap melalui telefon tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat memainkan peranan dalam membentuk usaha kerajaan-kerajaan negeri terutamanya di Sabah yang masih sangat memerlukan penubuhan pelbagai bentuk industri. Tidak dapat dinafikan bahawa mengikut statistik ada lebih 2,000 para belia di Sabah kini sedang bekerja di Semenanjung dan ini jelas bahawa Sabah masih amat jauh dalam usaha memberikan peluang-peluang pekerjaan. Kerajaan Barisan Nasional Sabah kini amat prihatin terhadap masalah ini dan sedang berusaha untuk membawa Sabah kembali semula ke tahap pembangunan serta peluang-pelaburan yang meluas sedang ditawarkan. Kerajaan Sabah telah menyediakan satu kawasan yang melebihi 8,000 ekar yang dikenali sebagai Kota Kinabalu Industrial Park. Saya yakin KKIP Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat sepenuhnya Sabah Economic Development Corporation (SEDCO) mampu mengendalikan usaha ini dan sudah tentu dengan bantuan yang kuat daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya percaya masa hadapan Sabah dalam bidang industri akan lebih menyerlah memandangkan pembangunan Sabah amat berkait rapat dengan Wilayah Persekutuan Labuan.

Adalah juga diharapkan agar Kerajaan Negeri Sabah dapat melaksanakan pembangunan dengan mengambil kira kesan-kesan positifnya terhadap Labuan sendiri walaupun perancangan Labuan ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan, namun banyak limpahan peluang perniagaan boleh diambil oleh para peniaga Labuan, juga projek-projek seperti membesarkan serta menaikkan taraf Pekan Menumbok boleh dilakukan kerana pekan Menumbok ini adalah pintu masuk yang paling popular untuk pengunjung dari Sabah datang ke Labuan terutamanya mereka yang membawa kenderaan sendiri selain daripada penduduk Labuan yang kerap kali berulang-alik ke Sabah, para peniaga dari Sabah dan Labuan juga menggunakan pekan Menumbok untuk mengangkut barang-barang bekalan seperti sayur-sayuran, bahan-bahan binaan dan banyak lagi.

Oleh yang demikian, jalan raya daripada Beaufort ke Menumbok hendaklah segera diasfal kerana jalan ini amat penting kepada mereka yang berurusan dalam aktiviti yang saya sebutkan tadi. Jika jalan ini diasfal, ianya dapat memudahkan serta mempercepatkan usaha pengangkutan dan sudah tentu juga kos pengangkutan yang tinggi dikenakan oleh lori-lori ini boleh dikurangkan. Tidak dapat dinafikan melalui projek ini Kerajaan Sabah dapat membantu penduduk Labuan yang pada masa ini terpaksa membayar dan membeli barang-barang keperluan melalui Sabah dengan harga yang tinggi dan ini tidak melambangkan status Labuan yang sebenar-benarnya sebagai pulau bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada satu cadangan untuk menghapuskan ataupun mengimport kenderaan tanpa AP di Labuan. Saya bercadang bahawa

cadangan ini patut dikaji semula, jika ianya merugikan kepentingan bumiputera yang lain ataupun hanya ingin melihat keruntuhan bumiputera yang lain. Perkara ini kerajaan harus memikirkan sepatutnya dan mengkaji sedalam-dalamnya. Jika sekiranya penggunaan AP perlu diteruskan demi kepentingan peniaga-peniaga di Sabah dan di Labuan, perlu membuat satu kajian yang begitu teliti ke arah pelepasan AP iaitu satu perniagaan industri bermutu perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Jika ianya bagi kepentingan negara, maka itu adalah satu perkara yang berlainan. Tetapi jika sekiranya bukan kepentingan negara dan oleh kerana kita menuju ke arah satu cabaran yang lebih mencabar dalam Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu ke abad 21, persaingan di antara peniaga-peniaga bumiputera dan bukan bumiputera adalah amat ketara sekali. Memandangkan bahawa peniaga-peniaga akan mempunyai satu cabaran yang amat ketara di dalam bidang trading, terutama sekali di dalam arus pembangunan yang begitu cepat sekali di Labuan. Saya percaya bahawa bumiputera jika pun tertinggal jauh di belakang, maka ini adalah suatu perkara yang harus difikirkan oleh kerajaan untuk mengekalkan apa yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong usul ini, sukacita saya memberi penerangan dan teguran kepada kementerian yang walaupun dikatakan segala-galanya baik untuk keseluruhan. Walaupun sedemikian, saya ingin membuat satu komen terhadap Kementerian Kesihatan yang baru-baru yang mencadangkan bahawa kemungkinan kerajaan akan mengkaji kos rawatan pesakit luar yang dikatakan terlalu murah dan mendapat subsidi yang terlalu tinggi, namun saya berpendapat kerajaan ataupun pihak kementerian harus terus mengekalkan harga sekarang walau apa pun alasan kerana kerajaan tidak harus lari dari tanggungjawabnya untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat dan telah memberi mandat agar keperluan asas seperti perubatan, keselamatan dan pendidikan hendaklah terus dikekalkan kepada mereka. Jika tidak secara percuma, tetapi jangan pula dinaikkan harga yang sedia ada.

Cadangan untuk menubuhkan National Health Security Fund, dengan izin, cuma akan mengheret perkhidmatan ke arah penswastaan di masa akan datang kerana tabung yang akan ditubuhkan tidak akan memberi faedah kepada rakyat keseluruhannya dan rakyat yang kurang bernasib baik. Saya akan merakamkan bahawa sebarang usaha untuk menswastakan beberapa jabatan mahupun agensi seperti universiti, perkhidmatan polis, bomba, mahkamah dan hospital kerajaan tidak mungkin praktikal dan sepatutnya tidak boleh dilakukan.

Saya juga ingin menegur sikap kementerian yang nampaknya masih lagi menjalankan aktiviti secara acuh tak acuh, terutama dalam bahagian penguatkuasaan. Penggunaan bahan-bahan kimia yang dilarang dan diharamkan telah menyediakan bahan makanan masih terus berleluasa seperti undang-undang pengharaman, sudah lebih 10 tahun, namun masih terdapat bahan ini digunakan untuk menyediakan makanan seperti mee, kuetiau dan sebagainya. Bahan-bahan lain seperti pewarna, makanan dan setengahnya sudah diharamkan di negara maju, masih juga digunakan di Malaysia iaitu di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak harus terus membiarkan perkara ini tanpa usaha dan selalu lari dari hala bahawa pihak kementerian tidak mempunyai cukup tenaga kerja. Kalau benar kementerian tidak mampu untuk mengawal kegiatan serupa ini, sepatutnya bahagian inilah yang boleh dipertimbangkan untuk diswastakan kerana perkhidmatan yang efisien dalam bahagian ini amat penting untuk kesihatan rakyat. Jika rakyat sihat sebab makanan yang dibekalkan sihat dan bersih daripada pencemaran kimia yang berwarna yang merbahaya, sudah tentu peranan dan matlamat kerajaan untuk melahirkan warga Malaysia yang sihat akan tercapai dan kos rawatan hospital juga akan berkurangan, maka dengan itu tidak perlu kementerian menaikkan kos rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

5.25 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana saya diberi peluang untuk sama-sama mengambil bahagian bagi membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tempoh 1996 hingga 2000 di Dewan yang mulia ini.

Saya sungguh merasa bangga kerana kerajaan yang kita sanjung, kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kita kasihi telah membentangkan usul di Dewan Rakyat pada 6hb. Mei 1996 dan diikuti pula oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang membentangkan usul tersebut di Dewan Negara pada dua hari yang lalu iaitu pada 28hb. Mei 1996 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana semua Rancangan Malaysia sebelum ini dari rancangan yang pertama hingga rancangan yang keenam telah mencapai kejayaan yang gemilang di bawah Kerajaan Barisan Nasional, bukan seperti kerajaan lain - seperti Kerajaan PAS di Kelantan yang tidak terdaya untuk merancang negeri tersebut. Ini membuktikan semua rancangan berjalan dengan baik dan teratur. Kegigihan pemimpin kita, kegigihan pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan kerajaan ini tidak boleh dinafikan. Syabas kita ucapkan kepada pemimpinan kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, juga Menteri-menteri di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh berhubung dengan pengambilan tanah. Masalah bayaran pampasan terhadap pengambilan tanah-tanah oleh kerajaan untuk projek-projek pembangunan negara telah menjadi isu kepada masyarakat yang berpanjangan, terutama sekali tanah-tanah geran kecil. Kalau di Melaka disebut EMR atau Malay Reserved, dengan izin.

Kita semua akur bahawa pembangunan memerlukan pengorbanan. Namun demikian, sudah sewajarnya isu ini difikirkan semula dengan lebih adil dan saksama. Apakah jumlah pampasan yang diberi selama ini sudah mencukupi berbanding dengan pembangunan yang dilakukan? Saya difahamkan bahawa setakat ini sebanyak 126 hektar tanah bumiputera, khasnya tanah kepunyaan Melayu telah diambil oleh swasta dan kerajaan untuk projek-projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya satu dasar perlu digubal terhadap isu ini dan saya mencadangkan supaya bayaran pampasan diberi dalam bentuk yang berbeza dan boleh menguntungkan semua pihak. Misalnya, diberi peluang hak milik salah satu daripada lot pembangunan tersebut yang diusahakan. Cara ini akan memberi peluang pihak yang terkorban mendapat peluang menyertai pembangunan yang dilakukan di atas tanah mereka sendiri.

Jika dasar ini dapat dilaksanakan, maka satu hari nanti kita boleh berbangga penyertaan bumiputera dalam sektor pembangunan ini dan bukan sebaliknya melihat sahaja tanah-tanah mereka yang seluas sekangkang kera itu menjadi korban pembangunan. Satu hari nanti, bumiputera akan tersisih, tenggelam dalam pembangunan oleh kerana hak-hak mereka telah pun diambil.

Saya juga ingin mencadangkan agar perhatian tanah-tanah, khasnya tanah pertanian di bawah Kanun Tanah Negara selama ini, bahawa kita sedar bahawa kebanyakan tanah-tanah geran kecil ataupun tanah pertanian terhad dan ini telah menyulitkan pemilik-pemilik untuk menggunakan tanah-tanah mereka, khususnya membina rumah-rumah kediaman.

Jika tanah yang dipunyai itu mempunyai keluasan 2 ekar, hanya boleh dimiliki dua orang sahaja. Mengikut Kanun Tanah Negara ini adalah tanah geran pertanian. Tetapi betapa hal kalau mereka mempunyai empat orang anak hendak mendirikan rumah. Patut digubal semula, difikirkan semula undang-undang tersebut, dibolehkan tanah

bahawa seekar itu boleh dipecahkan kepada empat bahagian - empat orang boleh memiliki tanah. Sekarang ini tanah hak milik kecil atau geran pertanian hanya tanah dua ekar sahaja yang boleh dibahagikan kepada dua orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal peranan MARA. Peranan MARA terus menjadi perbincangan hangat yang hampir-hampir memalukan. Kita tahu baru-baru ini kerajaan telah mengadakan penyiataan berhubung dengan kedudukan kewangan MARA dan sebagainya. Masa berlalu, zaman berganti, namun dasar perjuangan menubuhkan MARA iaitu membela nasib bangsa khususnya dalam sektor ekonomi hampir-hampir gagal. Bantuan yang diberikan seolah-olah melepaskan batuk di tangga dan mereka tidak memberikan bimbingan khusus terus kepada bumiputera.

Begitu juga mereka yang diberi bantuan dan bimbingan tidak serius dalam menunjukkan aktiviti mereka iaitu seolah-olah kata orang kampung, hangat-hangat tahi ayam sahaja atau macam ekor sembilang. Dalam hal ini, kita sepatutnya bertindak secara proaktif mengkaji dan mengatasi masalah sebenarnya hingga ke akar umbi. Maka, harapan atau wawasan negara yang dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi kenyataan, mengangkat martabat bangsa melalui kekuatan ekonomi, politik dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, pihak MARA harus peka dan bertindak dengan tujuan mencapai matlamat dan harapan perjuangan bangsa kini. Kita mesti insaf kerana sudah 38 tahun mencapai kemerdekaan, kita masih belum lagi memiliki sebarang emporium perniagaan oleh bumiputera. Sepatutnya MARA telah pun mengadakan satu emporium atau beberapa emporium di bandar-bandar atau di pekan-pekan untuk bumiputera. Di pusat-pusat bandar yang penting dengan seberapa segera, kita mahukan imej ini untuk merancang di negeri-negeri kita akan datang secara serius dalam sektor ekonomi yang global dan bertanggungjawab.

Bantuan kerajaan sebanyak RM400 juta yang baru diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini untuk mengendalikan aktiviti hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya dan peristiwa sedih yang telah berlaku berulang kali tidak wujud lagi sebagaimana yang telah dibuat siasatan baru-baru ini kepada MARA.

Konsep membina gerai-gerai perniagaan yang kecil-kecil perlu dikaji semula. Sampai bila kita mahu melihat orang-orang berniaga di gerai-gerai kecil seperti kita lihat di bandar-bandar. Saya pernah pergi ke Langkawi, di bandar Kuah, cuma boleh diletakkan dua meja. Di Kuala Lumpur pun berlaku, di Pulau Pinang, di Johor dan banyak lagi di negeri-negeri lain. Dasar ini perlu diubah kepada yang lebih besar agar kekayaan negara dapat dikongsi sama di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh juga kedudukan persatuan belia-belia yang bertaburan di luar-luar bandar. Baru-baru ini dalam satu majlis perasmian Hari Belia, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menegur pemimpin-pemimpin belia setengah-setengahnya cuma mahu menjadi pemimpin tetapi tidak mengadakan sebarang aktiviti yang boleh memberikan peluang kepada belia-belia yang dipimpin. Cuma mengaku sebagai seorang pemimpin. Padahal peluang yang diberi oleh kerajaan begitu banyak sekali. Mengapa sedemikian berlaku? Bagi saya, kementerian yang berkenaan patut mengkhususkan melatih beberapa belia sesuai dengan negara yang maju sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir setakat itu sahaja bagi saya menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri kita. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan M.G. Pandithan.

5.37 ptg.

Tuan M. G. Pandithan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahas Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Tuan Yang di-Pertua, bapa wawasan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, Perdana

Menteri Malaysia yang kita kasihi dan sanjung tinggi telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh ini di dewan Parlimen pada 6hb. Mei dengan peruntukan sebanyak RM192.5 bilion.

Rancangan Malaysia Ketujuh ini telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri pada 28hb. Mei di Dewan Negara yang mulia ini. Sebenarnya Rancangan Malaysia Ketujuh ini adalah kesinambungan Rancangan Malaysia Keenam yang telah membawa banyak perubahan terhadap corak ekonomi, politik, pendidikan dan sosial. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam ekonomi negara telah berjaya mengekalkan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada yang dianggarkan.

Apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh ini di Dewan Parlimen, beliau telah memberi satu jaminan kepada rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat akan menikmati hasil daripada Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Rancangan Malaysia Ketujuh ini menepati segala aspek untuk memainkan peranan yang penting dalam bidang ekonomi, politik, pendidikan dan sosial.

Kerajaan akan melipat gandakan usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan ke paras 5.5%. Ini adalah paling rendah dibanding dengan negara-negara maju.

Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan menentukan pencapaian objektif dan matlamat Wawasan 2020. Rancangan ini juga akan menitikberatkan usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan produktiviti, kualiti dan juga mengurangkan akaun defisit negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengalami defisit sebanyak RM17 bilion. Ini kerana negara kita masih bergantung kepada barangan import. Sudah sampai masanya rakyat Malaysia, pihak pengusaha dan pihak consumer bersama dengan kerajaan bersikap positif dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan barangan import dan mengamalkan sikap "Belilah Barangan Malaysia" dengan lebih efektif dan agresif.

Berjuta-juta ringgit mata wang Malaysia keluar dari negara kita melalui pekerja-pekerja asing yang dianggarkan sebanyak 1 juta orang. Ini adalah terlalu banyak dibanding dengan jumlah penduduk Malaysia iaitu sebanyak 19 juta. Eloklah kerajaan merangka strategi dan polisi untuk mengatasi masalah pekerja-pekerja asing ini dengan penggunaan mesin-mesin seperti robot. Langkah untuk mengurangkan guna tenaga asing dengan menggunakan gunatenaga wanita dan mereka yang telah bersara adalah langkah yang bijak. Kerajaan juga boleh menggunakan tenaga banduan atau pelatih dari pusat-pusat serenti untuk kerja perladangan dan pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus merangka program-program yang positif ke arah penggunaan tenaga banduan. Dengan cadangan ini bukan sahaja para banduan memperolehi pendapatan yang lumayan, malah dapat menghabiskan masa di tahanan dengan berfaedah. Selain dari itu, kerajaan juga dapat mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

Kehadiran pekerja-pekerja asing juga menimbulkan pelbagai masalah sosial kepada negara kita. Pekerja-pekerja asing yang ditawarkan pekerjaan di Malaysia datang daripada pelbagai latar belakang yang berbeza. Mereka yang terlibat dalam aktiviti jenayah di negara asal mendapat pekerjaan dengan mudah di sini, sebab itulah kadar jenayah yang disebabkan oleh pendatang asing telah meningkat dari setahun ke setahun. Dicadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji latar belakang mereka sebelum diterima masuk ke dalam bidang pekerjaan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri menekankan kesan sosial yang dihadapi oleh pekerja apabila agensi atau badan kerajaan diswastakan. Badan-badan yang diswastakan ini perlu menunaikan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat, badan-badan ini tidak wajar

meningkatkan kadar pembayaran penggunaannya. Hal ini bukan sahaja membebankan rakyat biasa, tetapi menggagalkan usaha inflasi sifar kerajaan.

Badan-badan yang diswastakan oleh kerajaan seharusnya menjadi contoh kepada objektif kerajaan mencapai sasaran inflasi sifar, tetapi sebaliknya untuk menambahkan keuntungan, mereka menaikkan kadar caj atau pembayaran. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengambil tindakan tegas terhadap syarikat-syarikat tersebut yang hanya mementingkan keuntungan besar.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, rakyat Malaysia akan mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020.

Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan menentukan pencapaian matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020. Pertumbuhan ekonomi sekitar 8% dengan kadar pengangguran 2.8% adalah ciri-ciri negara maju. Walaupun negara mencapai kemajuan yang membanggakan, namun sesetengah rakyat Malaysia masih hidup di dalam kemiskinan. golongan yang dimaksudkan ialah petani, nelayan, masyarakat India di estet-estet dan juga Orang Asli. Mereka hidup miskin dalam negara yang kaya. Mereka ini tidak dapat menikmati hasil kemerdekaan dan kekayaan negara kita, mereka dibebankan dengan pelbagai penderitaan kerana tidak mendapat kemudahan-kemudahan dan infrastruktur.

Kerajaan tidak seharusnya mengabaikan mereka daripada kemajuan negara kita, tetapi melakukan sesuatu untuk membantu golongan termiskin ini khasnya masyarakat India yang telah mengorbankan segenap usaha dan tenaga dan mengabdikan diri mereka untuk kebaikan negara dan rakyat.

Di sini saya bagi pihak Indian Progressive Front (IPF) yang mewakili golongan termiskin ini merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri supaya memastikan segala bantuan dan subsidi termasuk pengagihan saham yang ditawarkan kepada masyarakat India sampai ke golongan yang memerlukannya dan tidak hilang di tengah jalan.

Saya juga menyambut baik akan cadangan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menubuhkan satu jawatankuasa peringkat tinggi bagi merangka dasar dan strategi bagi mengatasi pelbagai masalah sosial dan keluarga. Masalah-masalah sosial seperti penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, jenayah remaja dan sebagainya akan menjejaskan impian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita untuk melihat negara kita sebagai sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. Cadangan ini jelas menunjukkan betapa prihatinnya kerajaan untuk menangani penyakit sosial yang boleh merosakkan generasi muda kita.

Sehubungan mewujudkan generasi muda yang bermoral tinggi, saya menggesa kerajaan agar merangka strategi khas untuk belia India yang hidup tanpa haluannya. Strategi dan langkah konkrit harus diambil kerana keruntuhan moral di kalangan belia India telah menunjukkan satu keadaan yang sungguh membimbangkan. Kadar jenayah yang dilakukan oleh belia India sudah mencecah 30% daripada jumlah keseluruhan kadar jenayah negara kita. Kumpulan-kumpulan haram yang beroperasi di seluruh negara kebanyakannya adalah dianggotai oleh belia-belia India. Sekiranya kerajaan tidak melakukan sesuatu akan hal ini sudah pasti ia akan melahirkan satu masyarakat belia 'samseng' di kalangan rakyat Malaysia. Ini boleh menggugat keamanan dan ketenteraman negara kita. Kegiatan jenayah di negara kita boleh disamakan dengan jenayah di kalangan rakyat kulit hitam di Amerika Syarikat.

Walaupun rakyat berkulit hitam menjadi kumpulan minoriti di sana, tetapi penglibatan mereka dalam aktiviti jenayah melebihi ke paras yang berbahaya. Saya khuatir hal yang sama akan berlaku di Malaysia sekiranya kita cuai dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial juga berpunca kerana kurangnya pendidikan di kalangan belia India. Rancangan Malaysia Ketujuh yang menekankan pembentukan masyarakat Malaysia yang berilmu tidak dapat diwujudkan.....

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Minta jalan, saya minta penjelasan bolehkah? Saya pun terkejut mendengar katanya belia India terlibat dengan keganasan, jenayah, samseng dan sebagainya sampai 30%, sedangkan peratus penduduk India itu sendiri lebih kurang 10%, bermakna besar secara 'comparatively'. Saya pernah teringat Yang Berhormat Dato' Seri Samy Vellu pernah mencadangkan untuk mengadakan perjumpaan dengan samseng-samseng ini. Saya terlupa, adakah pernah buat perjumpaan, dan apakah tindakan setakat ini yang dibuat oleh pemimpin MIC ataupun pemimpin-pemimpin India dalam menghadapi samseng-samseng India ini?

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, semua pihak MIC dan juga IPF berusaha dengan gigih untuk mengatasi masalah ini yang menyakitkan hati masyarakat India.

Tuan Ding Seling: Sila teruskan.

Tuan M.G. Pandithan: Masalah sosial juga berpunca dan kurangnya pendidikan di kalangan belia India. Rancangan Malaysia Ketujuh yang menekankan pembentukan masyarakat Malaysia yang berilmu tidak dapat diwujudkan di kalangan belia India sekiranya masalah sekolah-sekolah Tamil tidak diatasi. Kelulusan UPSR di sekolah rendah Tamil begitu mengeciwakan. Kegagalan melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu di peringkat sekolah rendah menghasilkan pelajar-pelajar lemah di peringkat PMR dan seterusnya SPM. Dengan ini, diminta pihak kerajaan supaya mengambil langkah-langkah wajar untuk mengatasi masalah SRJK(T). Sekolah-sekolah ini menghadapi kekurangan tenaga pengajar terlatih dengan teruk. Guru-guru sandaran dan sementara yang ditempatkan di sekolah-sekolah ini tidak dapat menyalurkan ilmu dengan baik, dan menyebabkan meningkatnya peratus kegagalan. Dalam pada itu, guru-guru yang berpengalaman dan berkebolehan perlu ditempatkan di sekolah-sekolah luar bandar agar pelajar luar bandar dapat menimba ilmu daripada mereka. Jangan tempatkan mereka di bandar sahaja.

Untuk mewujudkan pelajar-pelajar yang berdisiplin, Parti IPF menyokong penuh cadangan untuk mengembalikan hukuman merotan di kalangan pelajar. Pelajar-pelajar yang pernah dirotan kerana kesalahan disiplin kini menjadi pemimpin negara. Sebaliknya, pelajar-pelajar yang diajar secara psikologi dengan tanpa dirotan kini merengkok di dalam penjara dan di pusat-pusat Serenti. Jadi, apakah.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Tuan M.G. Pandithan, Tuan Hanipah minta laluan. Boleh beri laluan?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, siapakah di antara pemimpin negara yang telah dikenakan hukum sebat yang menjadi pemimpin pada hari ini?

Tuan M.G. Pandithan: Tak payah sebut namalah. *[Ketawa]* Hukuman rotan pasti akan meninggalkan kesan yang positif ke arah pembangunan negara berbanding dengan kesan yang negatif. Memang semua tindakan ada kesan baik dan buruk. Kita sebagai manusia, jangan terlalu terpengaruh dengan kesan-kesan negatif sahaja dan mengeneipkan kesan-kesan positif.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rakyat Malaysia yang berketurunan India suka menghabiskan masa dengan menonton filem-filem Tamil yang diimport dari India. Filem-filem yang dibawa masuk ini mempunyai unsur-unsur keganasan yang keterlaluan dan mudah mempengaruhi jiwa penonton, terutama yang berumur belasan

tahun. Remaja yang terpengaruh inilah yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang negatif, termasuk menyertai kongsi-kongsi gelap. Remaja yang terlibat dalam kegiatan ini bukan sahaja merosakkan kehidupan mereka, tetapi juga mengancam keselamatan masyarakat dan negara. Masyarakat yang mendukung kumpulan-kumpulan seumpama ini juga tidak akan maju dan tidak akan menikmati kemakmuran negara.

Dengan ini, disyorkan agar filem-filem Tamil yang mempunyai adegan-adegan ganas dan seks perlulah ditapis dengan lebih ketat atau terus diharamkan. Orang yang mendapat peluang penonton filem-filem ini adalah pelajar-pelajar dan anak-anak yang berada di rumah. Dengan adanya peluang menonton filem-filem tersebut, bangsa India di Malaysia dengan mudahnya terpengaruh dan menduplikasikan 'life style' dengan kebudayaan negara India. Akibatnya mereka mewujudkan satu penghidupan yang tidak sesuai dengan 'life style' negara Malaysia.

Kebanyakan filem-filem diimport masuk ke negara kita terdiri daripada cerita kasta dan membeza-bezakan manusia, mempunyai watak utama melibatkan pemuda dalam kes-kes jenayah, menunjukkan adegan perogolan, membunuh diri jika bertemu kegagalan dalam penghidupan, misalnya pencintaan remaja terputus, minum minuman arak setelah percintaannya diganggu. Kesemua peristiwa dalam cerita ini mendorong penonton melalui TV dan memberikan mereka satu gambaran yang tidak sesuai dengan penghidupan rakyat di Malaysia.

Walaupun masyarakat India bermastautin beberapa abad di negara Malaysia, mereka tidak mempunyai kebudayaan tersendiri dan masih bergantung kepada kebudayaan negara India. Oleh kerana itu, kesan-kesan buruk yang mempengaruhinya tidak dapat dihapuskan. Dengan sedemikian, Parti IPF menyeru kepada kerajaan, khasnya Kementerian Penerangan untuk membantu masyarakat India membentuk kebudayaan tersendiri berasaskan penghidupan negara Malaysia. Untuk melaksanakan objektif tersebut, seharusnya Kementerian Penerangan memberi peluang kepada artis-artis tempatan untuk menebitkan tayangan drama, lagu, muzik dan program-program sendiri. Ini akan memudahkan ciptaan karya-karya ke arah kebudayaan masyarakat India Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, media massa, media cetak dan media elektronik boleh memainkan peranan yang penting untuk menzahirkan satu generasi baru, iaitu bangsa Malaysia dengan satu kebudayaan, kebudayaan Malaysia. Tetapi media massa kita, khasnya media elektronik memberi banyak tumpuan kepada hiburan, entertainment sahaja. Ini tidak akan membawa faedah yang diinginkan kepada masyarakat dan antara negara. Harus semua TV stesyen memberi keutamaan kepada aktiviti-aktiviti remaja berkaitan dengan kegiatan-kegiatan sosial, sukan dan lain-lain rancangan yang pasti mendorong mereka ke arah menjalinkan satu kebudayaan yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini cuma TV2 sahaja menyiarkan berita bahasa Tamil pada setiap hari jam 6.00 petang. Saya menyeru pada pihak TV2 supaya mempertingkatkan kualiti berita ini dengan isu-isu masyarakat India dan juga dengan isu-isu negara dan dunia agar masyarakat India mempertingkatkan kesedaran terhadap semua perkara yang berlaku di dalam masyarakat India, negara dan dunia ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada TV1, TV2 dan TV3 dan TV4-Metrovision, supaya siarkan berita dalam bahasa Tamil. Kerana ini akan membawa faedah bernilai tinggi kepada masyarakat India. Masyarakat akan berterima kasih kepada pihak TV1, TV3 dan TV4 kalau mereka memperuntukkan sebanyak 10 minit untuk menyiarkan berita dalam bahasa Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Tuan Rahim Baba tentang isu peruntukan kepada Ahli Dewan Negara. Ini saya bersama dengan Tuan Rahim merayu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan supaya memperuntukkan, memberi pertimbangan pada cadangan peruntukan ini

sebanyak RM100,000 kepada semua Senator. Ini mereka boleh berkhidmat dengan lebih berkesan dan agresif kalau ini diberi kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mastika.

6.00 ptg.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 6hb. Mei, 1996 dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 28hb. Mei, 1996 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti rancangan-rancangan Malaysia yang lalu, Rancangan Malaysia Ketujuh adalah mekanisme kerajaan Barisan Nasional yang mana mekanisme ini pada masa yang lalu telah terbukti membawa kejayaan. Di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang yang pertama yang berteraskan Dasar Ekonomi Baru, kerajaan telah berjaya menyediakan asas yang kukuh untuk mengorak langkah ke Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang berteraskan Dasar Pembangunan Nasional.

Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang yang pertama, iaitu dalam tempoh 1971 - 1990 selama 19 tahun usaha membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat telah diusahakan. Kerajaan Barisan Nasional memang jelas layak menerima penghargaan dan pengiktirafan di atas kebijaksanaan dan kesungguhan kerajaan dalam merangka dan melaksanakan rancangan-rancangannya. Semua kejayaan ini bukan datang menggolek tetapi memerlukan kesungguhan dan komitmen yang tinggi. Sungguhpun ada rakyat yang berterusan menyerang kerajaan, menutup mata daripada mengakui pencapaian-pencapaian ini tetapi keseluruhan rakyat di Malaysia, majoriti rakyat tetap meletakkan harapan kepada kerajaan Barisan Nasional, kerana track record, dengan izin, kerajaan tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh pertama dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua telah kita lalui. Di dalam Dewan yang mulia ini kita akan membahaskan tempoh kedua iaitu 1996 hingga tahun 2000 yang mana merupakan tempoh terakhir Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang dirangka iaitu daripada tahun 1991 hingga tahun 2000. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua cuma 9 tahun pelaksanaannya, tempoh ini adalah 10 tahun lebih pendek masanya daripada masa Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama. Jika di lihat unjuran Dasar Pembangunan Negara yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju di akhir tahun 2020, ini bererti selepas Rancangan Rangka Jangka Panjang Kedua, kita mempunyai masa 20 tahun sahaja lagi untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Saya beranggapan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua adalah sebagai masa persediaan ataupun dengan izin, masa takeoff, untuk mencapai Wawasan 2020. Oleh yang demikian, masa peralihan ini adalah masa yang amat kritikal bagi kita untuk menentukan pencapaian Wawasan 2020 kelak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perspektif yang saya sebutkan di atas jelas menunjukkan kebijaksanaan kepimpinan negara yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan Unit Perancang Ekonomi Negara merancang dan melaksanakan program pembangunan negara. Angkatunjak-angkatunjak pencapaian ekonomi makro dalam Rancangan Malaysia Keenam jelas memperlihatkan kejayaan dan kemampuan kerajaan mencapai sasaran atau matlamat yang ditetapkan. Keluaran Dalam Negara Kasar, pengurangan kadar inflasi, pencapaian ekonomi dalam pembuatan, pembinaan, perlombongan, perkhidmatan, pertanian dan lain-lain telah meningkat. Pertumbuhan bagi pelaburan swasta, pelaburan awam, penggunaan swasta dan penggunaan awam, permintaan luar negeri juga turut meningkat.

Dalam laporan yang diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kerajaan begitu telus (transparence) dalam membentangkan apa-apa kelemahan dan kekurangan yang dialami seperti defisit dalam akaun semasa, imbalan pembayaran dan kegagalan pencapaian bumiputera dalam memegang ekuiti yang tidak sampai pun 30%, malah pencapaian bumiputera cuma 20.6% sahaja serta dalam laporan tersebut telah pun dijelaskan bahawa kekurangan pengurus-pengurus bumiputera di dalam pasaran memang ketara.

Saya amat menghargai sikap telus kerajaan yang berkongsi sama ada kejayaan dan apa-apa kekurangan yang dihadapi. Ini menunjukkan kekuatan dan kestabilan politik serta majoriti 2/3 pihak kerajaan di Dewan Rakyat memberi implikasi yang besar kepada corak pemerintahan negara. Oleh yang demikian, usaha untuk memperkukuhkan kestabilan politik harus dipergiatkan demi untuk kesejahteraan seluruh rakyat. Kita di pihak kerajaan tidak boleh angkuh, sebaliknya bertanggungjawab dan lebih berusaha untuk menentukan pencapaian dasar-dasar yang disusun agar tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, penekanan yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan timbalannya adalah peningkatan mutu pengeluaran sumber manusia serta meningkatkan penggunaan sains dan teknologi. Di samping, itu negara menggalakkan penggunaan sumber-sumber tempatan di dalam usaha untuk mengatasi masalah defisit di dalam imbalan bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menegaskan bahawa rakyat adalah aset kepada negara. Oleh itu, melahirkan rakyat yang mempunyai sikap positif seimbang dan berproduktiviti akan menyumbangkan surplus kepada pengeluaran ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melahirkan rakyat yang produktif, masalah-masalah asas kehidupan individu perlu diberi perhatian. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada soal penyediaan makanan yang mencukupi dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong minggu lepas saya telah menghuraikan kepada Dewan ini masalah dalam industri pengeluaran makanan utama negara iaitu industri padi dan beras. Saya akui semasa membentangkannya suara saya bergegar dan hati saya amat sayu mengenangkan sekumpulan masyarakat pembekal makanan kepada kita semua, tetapi kehidupan dan nasib mereka terpinggir daripada arus pembangunan dan masih terbelenggu dengan pihak orang tengah yang mengaut keuntungan.

Semasa jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, yang mana sebenarnya dahulu kami adalah satu jabatan dan beliau adalah 'boss' saya, dengan izin, menjelaskan harga padi yang ditetapkan oleh kerajaan 16 tahun yang lalu adalah harga minimum. Maksud saya harga padi yang ditetapkan pada tahun 1980 iaitu padi pendek sebanyak RM46.30 dan padi panjang sebanyak RM49.60. Saya sememangnya boleh menerima penjelasan Yang Berhormat Dato' Abu Bakar, Setiausaha Parlimen bahawa harga padi yang ditawarkan oleh pengilang-pengilang lebih tinggi daripada harga minimum yang telah ditetapkan, malah sekarang ini selepas harga beras diapungkan, beras gred Super, pengilang-pengilang besar telah berebut-rebut untuk membeli padi, malahan padi yang masih lagi ada di sawah bendang pun telah dibuat tempahan (booking).

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang mendapat hasil kenaikan harga padi bukannya petani, tetapi driver-driver lori dan broker-broker mesin sahaja. Malah fenomena yang terbaru dan membimbangkan adalah kemungkinan "pisang berbuah dua kali" iaitu pengilang-pengilang kecil bumiputera mungkin gulung tikar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan "pisang berbuah dua kali" kerana saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada sejarah kita di dalam industri tanaman padi semasa subsidi padi diberikan pada tahun 1980-an. Kita semua merasa amat bangga dan kita semua rasa kita dapat membantu peladang-peladang dengan

memberikan subsidi kepada mereka, tetapi semasa pelaksanaan dibuat semasa pelaksanaan pemberian subsidi di jalankan oleh pihak kerajaan secara tidak langsung, berpuluh-puluh kilang padi syarikat kerjasama telah pun gulung tikar kerana dasar yang dibuat oleh pihak kerajaan menyebabkan keadaan ini tidak dapat dielakkan.

Syarikat-syarikat kerjasama ini sebenarnya muncul hasil daripada kempen pihak Angkasa yang mana pada masa itu di antaranya dipelopori sendiri oleh Dato' Seri Rafidah Aziz semasa beliau aktif di dalam Angkasa. Petani-petani miskin mengumpul modal, menyampingkan keperluan yang lain untuk menubuhkan syarikat kerjasama dan melaburkan wang mereka di dalam kilang-kilang memproses padi tetapi akhirnya pelaburan mereka ini "mati beragan" disebabkan atau diakibatkan oleh sikap Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Awam pada waktu itu.

Pada masa ini juga kerana harga padi telah diapungkan, kilang-kilang bumiputera sedang kelelasan kerana kilang-kilang besar sekarang ini telah berebut-rebut untuk mendapatkan bekalan padi.

Saya berterima kasih kepada Kementerian Pertanian, media massa, surat khabar dan TV3 yang telah turut sama memberikan perhatian mengenai masalah ini apabila saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Saya sekali lagi ingin mengingatkan kita semua di Dewan yang mulia ini apabila kita menyuapkan nasi ke mulut kita haruslah kita mengenangkan bahawa nasi yang kita suap itu berharga 50 sen, sedangkan nasi di Jepun berharga RM16.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah memastikan makanan mencukupi ataupun 'food security', dengan izin, untuk negara kita adalah satu perkara yang penting kerana manusia menjadi produktif apabila keperluan asas mereka dipenuhi. Kekurangan makanan akan memberi kesan kepada masalah kelahiran, perkembangan yang terhalang (growth retarded), dengan izin, mental deficiency, buta dan kematian. Pengeluaran makanan juga berhubung rapat dengan pertumbuhan penduduk.

Oleh itu, usaha untuk menggalakkan pengeluaran makanan tidak boleh lari daripada memberi perhatian kepada pembangunan pertanian dan dasar-dasar pembangunan luar bandar.

Saya amat bersetuju dengan usaha yang sedang dibuat oleh kerajaan untuk mengkaji semula Dasar Pertanian Negara dan menyusun semula agensi pertanian agar lebih produktif.

Saya juga menggesa Kementerian Pertanian membuat postmortem kepada semua pertubuhan-pertubuhan nelayan dan pertubuhan-pertubuhan peladang serta mengkaji perlembagaannya yang saya kira telah ketinggalan zaman. Institusi peladang dan nelayan perlu diberi nafas baru agar ia dapat bersaing dengan sektor yang lain untuk jadi pemangkin di dalam sektor pertanian.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian apakah sebab agaknya pertubuhan-pertubuhan peladang berdikari belum lagi dapat dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini telah banyak sawah terbiar, di Seberang Perai, di kawasan Kerian, Rompin, di Kelantan dan sebagainya. Di samping itu, kawasan pengeluar beras utama di Kedah, Perlis, kawasan-kawasan ini telah terdapat pembangunan-pembangunan yang begitu pesat. Saya berpendapat bahawa kawasan-kawasan pengeluar makanan utama untuk rakyat di negara kita harus dipertahankan. Sepatutnya kita memikirkan bagaimana dapat kita membangunkan kawasan-kawasan pinggir, kawasan-kawasan yang belum dibangunkan dan mungkin juga estet-estet getah yang mana produktiviti sekarang ini tidak begitu signifikan kepada negara. Dalam soal ini kerajaan harus memikirkan untuk menyediakan infrastruktur yang mencukupi bagi kawasan-kawasan pertumbuhan baru.

Saya kira membina jalan, mengadakan kemudahan elektrik, menyediakan kemudahan air bagi kawasan-kawasan pertumbuhan baru adalah lebih murah daripada kita membiarkan kawasan-kawasan padi dibangunkan dan akhirnya nanti kita terpaksa

mencari kawasan baru untuk dijadikan kawasan penanaman padi. Saya berharap supaya pihak kerajaan dapat memberi perhatian dan dapat membuat satu dasar yang konkrit dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi fenomena dan ancaman kepada industri tanaman padi ialah pembangunan di kawasan tadahan air. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, bagi kawasan pengeluar makanan utama negara Kedah, Perlis dan juga Pulau Pinang mendapat bekalan air daripada Muda Dam dan Pedu Dam. Kawasan tadahan ini bagi Muda Dam seluas 96,500 hektar dan kapasiti ataupun bekalan air yang terdapat dalam kawasan Muda Dam sebanyak 1,050 milion meter padu. Begitu juga dengan Pedu Dam, seluas 17,100 hektar dengan 185 milion meter padu. Ini adalah sumber air untuk tanaman padi dan juga sumber air untuk minuman bagi negeri Kedah, Perlis dan baru-baru ini telah diadakan perjanjian di antara Perlis untuk menghantar air ke Langkawi. Dan air ini juga sumbernya daripada Muda Dam dan Pedu Dam.

Apa yang agak dikesalkan sekarang ini oleh kerana rakyat di negara kita, pengusaha-pengusaha, ahli-ahli korporat begitu sofistikated mencari tempat-tempat pelancongan yang bersuasanakan alam semulajadi yang memang saya sendiri pernah menyokong di dalam Dewan ini tetapi tidaklah pula saya menyokong supaya kawasan-kawasan yang menjadi punca tadahan air dan juga punca supply utama bagi negara kita ini diterokai untuk kawasan pembangunan.

Untuk makluman Dewan, bagi Muda Dam dan Pedu Dam sekarang ini mereka terancam dengan pembangunan Holiday Inn Resort seluas 551 hektar yang telah pun dibangunkan. Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah telah membangunkan kawasan berhampiran dengan dam seluas 100 hektar dan baru-baru ini Berjaya Groups telah pun meneroka sebanyak 769 hektar berjumlah 1,821 hektar telah pun diteroka di sekeliling tadahan-tadahan air. Penerokaan-penerokaan ini akan mengakibatkan masalah dari segi kualiti air yang akan dibekalkan untuk minuman dan juga kualiti air yang akan dibekalkan untuk kawasan-kawasan pertanian kerana tempat-tempat yang saya sebutkan tadi, tempat-tempat penginapan dan juga tempat-tempat rehat bagi mereka yang mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk mencari tempat menghilangkan kerunsingan telah pun diadakan padang golf. Padang golf ini, kita tahu bahawa akan menggunakan racun-racun herba untuk mereka memastikan supaya padang golf ini tetap akan cantik dan tidak ada serangan-serangan daripada insect dan sebagainya. Jadi, pasti nanti, air yang ada di Pedu Dam dan Muda Dam akan dicemari oleh racun-racun.

Di samping itu juga, saya difahamkan bahawa pembetungan najis bagi kawasan-kawasan tersebut akan diadakan di kawasan yang berhampiran dengan padang golf. Jika sekiranya, treatment untuk pembetungan najis ini tidak dibuat dengan begitu rapi, air-airnya akan disalurkan ke dalam Muda Dam Pedu Dam dan akhirnya akan disalurkan sebagai air minuman untuk penduduk negeri Perlis dan juga negeri Kedah dan juga selepas ini Langkawi.

Di samping itu, oleh kerana pembangunan yang dibuat tidak pernah memikirkan soal alam sekitar, pokok-pokok telah pun ditebang. Ini akan menyebabkan water table, dengan izin, ataupun pemegangan paras air bagi kawasan tersebut akan terjejas.

Begitu juga dengan mendapan-mendapan daripada tanah yang akan mudah terhakis akan masuk ke dalam damp yang saya sebutkan tadi. Di sini dapatlah kita lihat betapa kadangkala, biasanya dalam pembangunan, dalam kita mengejar pembangunan, kita melupakan bahawa kawasan yang kita bangun itu akan menjejaskan bekalan untuk makanan utama, makanan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk menentukan supaya komoditi yang tertentu untuk keperluan makanan ini dijaga oleh agensi-agensi yang tertentu. Contohnya, apabila Kementerian Pertanian, akan mengadakan rombakan, mungkin dapat difikirkan agensi-agensi seperti MADA, yang berpengalaman dengan

pengeluaran padi boleh memperluaskan kawasan jagaannya di Kedah, Seberang Prai, Perak Utara dan sebagainya. Sekarang ini begitu banyak agensi bertindih dan berlapis dalam menjalankan tugas-tugas mereka sehinggakan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah Baheran, seolah-olah dalam Kementerian Pertanian ini kita nampak produktiviti tidak meningkat.

Saya kira sudah sampai masanya Malaysia perlu ada estet pengeluaran makanan bukan sahaja untuk padi tetapi keperluan-keperluan makanan asas yang lain dan petani-petani boleh dikelompokkan sebagai pemegang saham dan juga pekerja-pekerja supaya pengeluaran mereka lebih produktif dan pengeluaran mereka mendatangkan hasil yang tinggi dan lumayan kepada mereka. Mereka mesti dilatih supaya menggunakan teknologi tinggi. Saya dimaklumkan, peruntukan untuk pembangunan bagi agensi luar bandar di bawah Kementerian Pertanian telah dikurangkan. Jika benar, saya ingin mendapat penjelasan mengapa perkara ini berlaku. Saya ingin tahu kerana untuk meningkatkan produktiviti petani-petani juga harus diberi latihan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada beras kita juga perlu memastikan bahan-bahan makanan utama kita yang lain dapat dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha dalam negeri. Ini akan dapat mengurangkan deposit akaun bayaran negara. Selain daripada Kementerian Pertanian, Kementerian Usahawan perlu memberi galakan kepada usaha-usaha untuk mewujudkan pengusaha-pengusaha petani secara komersil dan besar-besaran. Saya sendiri tidak ada jawapan mengapa pengusaha-pengusaha tidak sanggup melabur dalam mengeluarkan bahan-bahan makanan. Adakah kerana ia keperluan ramai, maka tekanan harga sentiasa menghambat industri ini. Saya harap Kementerian Pertanian dan Kementerian Usahawan dapat memberi jawapan. Saya pernah difahamkan oleh Jabatan Belia bahawa semua projek belia tani mereka gagal. Adakah ia gagal kerana tidak ada daya usaha ataupun tidak ada satu sistem atau tidak ada teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai sumber makanan ialah keselamatan makanan. Kita telah mendengar semalam, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan menjelaskan mengenai bahan kimia di dalam bekalan ayam. Sebelum ini kita telah mendengar bahan kimia di dalam bekalan ikan. Sebenarnya kita semua harus menimbulkan tanda tanya dalam bekalan-bekalan yang lain bagaimana agaknya racun-racun ataupun kimia-kimia, residue-residue ini masih lagi ada di dalam bekalan makanan seharian yang kita makan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mengemukakan soalan ini kepada Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Kesihatan di dalam Dewan ini tetapi jawapannya amat meragukan saya. Saya pernah menghadiri kursus di Mesir selama tiga bulan, menjalankan kajian mengenai residue bahan-bahan racun yang ada di dalam makanan. Semasa saya ke sana, semasa perbincangan saya amat bimbang kalau-kalau negara-negara lain yang turut hadir sama di dalam kursus antarabangsa yang saya hadiri itu akan membangkitkan soal residue racun di dalam sayur-sayuran yang dikeluarkan di Cameron Highlands. Sekiranya perkara ini ditanyakan saya sebagai wakil negara Malaysia merasa amat malu. Tetapi, shukur Alhamdulillah, mungkin surat khabar kita tidak sampai ke pengetahuan mereka. Tetapi, kita semua harus sedar bahawa penggunaan racun bagi negara-negara di Asia adalah amat tinggi. Saya difahamkan bahawa negara-negara maju tidak menggunakan racun sebagaimana yang digunakan di negara kita malah disebutkan bahawa negara-negara di Asia adalah tempat company-company atau syarikat-syarikat ini melonggokkan pengeluaran mereka untuk mereka mengutip balik pelaburan yang telah pernah mereka buat untuk menjalankan kajian bagi mendapatkan racun-racun kimia ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal keselamatan makanan ini berkaitan dengan produktiviti yang kita perkatakan saya kira perlulah diberi perhatian oleh pihak kementerian. Walau pun perkara ini membabitkan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan kementerian-kementerian yang lain saya tidak tahulah kepada kementerian mana yang harus dikemukakan. Walau bagaimanapun, saya berharap kepada kementerian-kementerian supaya soal keselamatan makanan ini diberi perhatian.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai bahagian kuarantin di sempadan-sempadan. Kita ada pegawai-pegawai kuarantin di sempadan-sempadan. Saya juga pernah semasa kursus tersebut melihat bagaimana negara-negara luar menjalankan kuarantin di negara-negara mereka. Kita tidak mempunyai alat yang cukup malah amat malang kalau saya menyebutkan di dalam Dewan ini bahawa pegawai-pegawai kuarantin kita cuma menjaga sempada sahaja tanpa dilengkapi oleh alat-alat yang tertentu. Mereka cuma melihat dengan mata sahaja. Setiap sayur, buah-buahan yang masuk daripada negara-negara luar yang masuk ke negara kita apabila sample diambil dihantar ke Kuala Lumpur, memakan masa seminggu ataupun lebih untuk mendapatkan keputusan analisa yang dibuat. Dalam keadaan itu apabila keputusan analisa telah dibuat buah longan telah pun dijual, sayur-sayuran telah pun dimakan, sotong yang mana mengandungi bahan kimia telah pun dimakan oleh kita semua. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara yang benar dan saya hendak juga penjelasan dari pihak kementerian dari segi kuarantin ini. Sejauh mana kita benar-benar dapat memastikan bahawa kita ada sistem kuarantin dan kuarantin itu benar-benar berkesan untuk kita mengesan insects, pests dan juga keracunan bagi rakyat di negara kita. Saya rasa, bukan sahaja saya tetapi orang-orang lain juga mungkin pernah mengalami cirit birit, sakit perut dan sebagainya apabila makan bahan-bahan yang kita import daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan juga adalah perkara asas hidup manusia. Sepanjang hadir ke persidangan Dewan ini setiap kali kita mendengar kegagalan sektor awam dan juga kerajaan negeri menyiapkan rumah murah. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tidakkah boleh kementerian membenarkan pihak-pihak yang ada tapak ataupun mempunyai tanah sendiri untuk mereka membina rumah mereka terutama mereka-mereka yang berada di luar bandar. Saya lihat apabila mereka mendapat rumah murah, mereka terpaksa meninggalkan kampung halaman, saudara mara, tinggal di suatu penempatan yang baru sedangkan sebenarnya mereka mempunyai tapak rumah mereka sendiri, cuma mereka tidak ada wang untuk membina rumah mereka. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian tidakkah boleh peruntukan ataupun skim untuk membina rumah murah ini dapat diberi sedikit kelonggaran ataupun agak fleksibel, tidak rigid sebagaimana yang ada sekarang ini di mana mereka-mereka yang mempunyai tanah, mereka dapat membina rumah mereka sendiri. Saya kira kalau ini dapat dibenarkan oleh pihak kementerian mereka akan dapat membina rumah yang lebih besar, lebih selesa, mungkin mereka dapat membina sendiri rumah mereka dengan menggunakan tenaga mereka dengan kos yang telah ditentukan oleh pihak kementerian. Saya juga berharap pengawasan untuk pengagihan rumah-rumah kos rendah ini dapat diawasi dengan lebih rapi lagi supaya ia tidak menjadi sungutan dan tidak menjadi tuduhan oleh rakyat kepada kerajaan. Saya juga berpendapat bahawa kajian untuk mengkaji harga rumah dan had gaji bagi kelayakan seseorang pemohon untuk mendapatkan rumah dalam skim ini harus dikaji agar ia sesuai dengan keadaan masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, guru adalah faktor yang menentukan bentuk generasi yang akan dilahirkan nanti. Guru yang dedikasi akan melahirkan murid yang cemerlang, berminda tinggi, bersikap penyayang, harmonis untuk memastikan tenaga kerja yang berteknologi tinggi serta warganegara yang bersatu padu. Di dalam sistem pendidikan saya berpendapat penerapan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang bersatu padu perlu diterapkan di peringkat sekolah. Oleh itu, kita sebagai pemimpin kecil yang diamanahkan di dalam negara harus meletakkan perpaduan sebagai keutamaan ataupun priority kita bersama. Oleh itu saya menggesa kerajaan supaya dengan bijaksananya.....

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mastika, nampaknya waktu sudah tiba. Kita sambung pada hari Isnin ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan pada hari Isnin akan datang jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.